



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan  
Kewangan  
Separuh Kedua

**2020**





**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2020 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 31 Disember 2020 atau dinyatakan sebaliknya.

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2020 ini boleh didapati dalam Portable Document Format (PDF) di [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)



# Kandungan

## Sorotan Penting

## Tinjauan Keseluruhan

### Menangani COVID-19: Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2020

9	Risiko Pasaran
12	Risiko Kredit
29	Risiko Operasi

### Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

33	Sektor Perbankan
45	Sektor Insurans dan Takaful
49	Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan


## Tambahan

# Sorotan Penting


## Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2020

Institusi perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pemulihan ekonomi meskipun prospek risiko kredit yang masih mencabar


Penampakan kewangan yang kukuh walaupun perolehan lebih rendah



Kedudukan mudah tunai yang kukuh disokong oleh keadaan pendanaan yang stabil




Risiko kredit dijangka meningkat, tetapi ditampakan oleh peruntukan yang lebih tinggi




Penanggung insurans dan pengendali takaful (ITO) terus mempunyai tahap permodalan yang kukuh tatkala pemulihan dalam aktiviti perniagaan pada separuh kedua tahun 2020


ITO mengekalkan penampakan modal yang kukuh, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum



Segmen berkaitan pelaburan dan motor memacu pemulihan dalam pertumbuhan premium...




...manakala kesan daripada pelaksanaan langkah-langkah bantuan COVID-19 dan banjir kekal terurus




Pengantaraan kewangan terus menyokong ekonomi dalam keadaan pasaran yang terus teratur

Keadaan pembiayaan kekal kondusif bagi pertumbuhan ekonomi, disokong oleh pelbagai langkah dasar



Tekanan pasaran kewangan lebih rendah berbanding tahap semasa bermulanya pandemik dengan keadaan pasaran yang terus teratur

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



**Kos pembiayaan yang lebih rendah** berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tahun 2020

**Pelbagai langkah yang menyokong aktiviti pembiayaan** termasuk pengecualian SST, Kempen Pemilikan Rumah, skim jaminan, dana-dana BNM

<sup>1</sup> Menggantikan nisbah pinjaman kepada dana (*loan-to-fund*, LTF) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity*, LTFE) sebagai ukuran profil pendanaan bank


<sup>2</sup> Keperluan minimum sebanyak 80% dan bank-bank dikehendaki mematuhi nisbah pendanaan stabil bersih (*Net Stable Funding Ratio*, NSFR) sebanyak 100% menjelang 30 September 2021

<sup>3</sup> Pinjaman dan pembiayaan yang diberikan oleh bank-bank dan institusi kewangan bukan bank. Bagi perniagaan, angka-angka termasuk bon/sukuk korporat bukan kewangan terkumpul. Bagi PKS, angka-angka sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula PKS terpilih kepada bukan PKS oleh institusi kewangan pada tahun 2018 dan 2019

## Kebanyakan isi rumah terus berupaya membayar hutang, disokong oleh penampakan kewangan dan langkah-langkah bantuan yang sedia ada

Penampakan kewangan agregat secara am kekal utuh


### Penunjuk Aset Kewangan Isi Rumah



Nota: Ambang kehematan ialah satu kali bagi kedua-dua penunjuk

## Kebanyakan isi rumah menyambung semula bayaran balik pinjaman selepas moratorium secara automatik berakhir...

### Jumlah Pembayaran Balik Pinjaman<sup>4</sup> pada ST2 '20



... dengan langkah-langkah sokongan untuk membantu isi rumah yang lebih memerlukan bantuan dari segi kewangan




**Langkah-langkah bantuan kerajaan** termasuk pindahan wang tunai secara terus, pengeluaran KWSP dan pengurangan sumbangan pekerja kepada KWSP




**8.9% akaun pinjaman isi rumah di bawah bantuan bayaran balik pinjaman** (11.1% dari segi nilai)


## Prospek segmen perniagaan tertentu kekal mencabar berikutan pemulihan yang tidak sekata Kedudukan kewangan keseluruhan masih mampan meskipun prestasi perolehan menunjukkan sedikit kelemahan




## Syarikat yang berisiko<sup>6</sup> kekal tinggi dengan lebih banyak perniagaan dalam sektor yang terjejas akibat COVID-19 memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman




## Ujian tekanan terkini mengesahkan daya tahan sistem kewangan terhadap kejutan dalam ekonomi yang lebih buruk Dua senario buruk hipotetikal<sup>8</sup> dibangunkan, dengan tempoh penilaian sehingga akhir tahun 2022



## Selepas kejutan, sektor perbankan dan insurans mengekalkan tahap modal yang jauh melebihi tahap minimum pengawalseliaan



## Kos kredit yang lebih tinggi menjadi penyebab utama kerugian bank-bank, manakala kerugian penanggung insurans didorong oleh risiko pasaran, andaian mungkir insurans semula dan tuntutan yang lebih tinggi



<sup>4</sup> Tidak termasuk kad kredit

<sup>5</sup> Data setakat S3 2020. Ambang kehematan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek dan nisbah perlindungan faedah masing-masing satu kali dan dua kali

<sup>6</sup> Ditakrif sebagai syarikat korporat bukan kewangan tersenarai dengan nisbah perlindungan faedah di bawah ambang kehematan dua kali

<sup>7</sup> Merujuk peratusan dedahan pinjaman kepada sektor yang menjalani penjadualan semula dan perstrukturkan semula (R&R)

<sup>8</sup> Senario ekonomi tidak mewakili jangkaan sebenar Bank untuk trajektori ekonomi, tetapi telah dibangunkan khususnya untuk tujuan ujian tekanan. Senario dijangka tidak akan berlaku

<sup>9</sup> Termasuk penanggung insurans hayat dan am

<sup>10</sup> Didorong terutamanya oleh peningkatan dalam liabiliti tuntutan disebabkan oleh andaian nisbah tuntutan yang lebih tinggi



# Tinjauan Keseluruhan







# Tinjauan Keseluruhan

Pandemik COVID-19 terus memberikan cabaran besar kepada kegiatan ekonomi global pada separuh kedua tahun 2020 walaupun prospek pemulihan yang lebih kukuh dalam ekonomi global kian bertambah baik sejak beberapa bulan yang lalu. Meskipun tindak balas dasar fiskal dan monetari yang dilaksanakan dengan cepat pada skala yang belum pernah berlaku sebelum ini telah membantu mengelakkan berlakunya kemerosotan ekonomi yang lebih mendalam, risiko kepada kestabilan kewangan kekal tinggi. Keadaan kewangan global masih mudah terdedah kepada episod volatiliti yang ketara, meskipun keadaan ini telah berkurang dengan nyata sejak bulan Mac 2020. Risiko kredit masih merupakan risiko utama kepada sistem kewangan global pada masa hadapan, tatkala penggubal dasar mempertimbangkan keseimbangan antara mengekalkan sokongan jangka pendek dengan mengelakkan risiko kestabilan makro-kewangan jangka sederhana.

Pada peringkat dalam negeri, usaha untuk memperkukuh daya tahan sistem kewangan Malaysia sejak beberapa tahun yang lampau telah meningkatkan keupayaan sistem perbankan untuk membantu isi rumah dan perniagaan bagi menghadapi tempoh yang sukar ini dengan menanggung bayaran balik pinjaman. Walaupun bantuan bayaran balik hutang diberikan pada skala yang belum pernah terjadi sebelum ini, institusi perbankan juga terus memberikan pembiayaan baharu dalam persekitaran risiko kredit yang ketara. Setakat ini, kekuatan asas institusi perbankan ini membolehkan mereka memainkan peranan kitaran balas yang penting bagi menyokong ekonomi pada fasa permulaan krisis dan seterusnya pada fasa pemulihannya. Penanggung insurans dan pengendali takaful, yang disokong oleh penampakan kewangan yang kukuh, juga telah berupaya memberikan bantuan kewangan kepada pemegang polisi yang terjejas untuk mengekalkan perlindungan mereka. Dalam pasaran kewangan

domestik, keadaan menjadi stabil pada separuh kedua tahun 2020 berikutan kebalikan aliran keluar bon bukan pemastautin, kenaikan mendadak penyertaan pelabur runcit dalam pasaran ekuiti, dan permintaan yang mampan daripada pelabur institusi domestik.

Meskipun pada separuh kedua tahun 2020 menyaksikan beberapa peningkatan dalam persekitaran operasi perniagaan, pemulihan masih kekal tidak sekata di seluruh sektor perniagaan. Peningkatan boleh dilihat terutamanya dalam sektor yang telah kembali kepada keupayaan operasi hampir sepenuhnya seperti perkilangan. Sementara itu, syarikat dalam industri yang terjejas lebih teruk seperti hotel dan restoran telah mengalami kesusutan penampakan kewangan yang berterusan berikutan kemerosotan pendapatan yang masih berlaku. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khususnya, terjejas dengan ketara memandangkan penampakan kewangan mereka yang terhad dan margin keuntungan yang lebih kecil. Bantuan bayaran balik pinjaman, di samping langkah sokongan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank, telah membantu sektor perniagaan meneruskan bayaran balik pembiayaan dan membendung sebarang kenaikan kes mungkir yang ketara. Meskipun kes mungkir dijangka meningkat daripada paras semasa, data pembayaran balik pinjaman menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat berupaya membayar balik hutang apabila aktiviti perniagaan disambung semula. Langkah pembendungan yang dilonggarkan, pemberian vaksin dan sokongan dasar yang lebih bersasar pada masa hadapan dijangka terus menyokong keupayaan membayar balik hutang dan mengurangkan sebarang peningkatan kes mungkir yang ketara.

Bagi isi rumah, pertumbuhan aset kewangan terus melebihi kadar peningkatan hutang. Hal ini menunjukkan bahawa secara agregat, isi rumah

berupaya meningkatkan kekayaan kewangan mereka pada tempoh ini. Walau bagaimanapun, segmen berpendapatan rendah masih berdepan dengan kesukaran kewangan. Peminjam ini berkemungkinan menghadapi cabaran yang berterusan pada tahun 2021 memandangkan pemulihan dalam pasaran pekerja adalah tidak sekata. Sama seperti sektor perniagaan, program bantuan bayaran balik pinjaman dan langkah sokongan telah membantu melegakan aliran tunai isi rumah yang terbeban dari segi kewangan. Walau bagaimanapun, pemulihan pendapatan yang mampan akan menjadi perkara utama untuk mengekalkan keupayaan mereka membayar balik hutang pada jangka panjang. Selain daripada segmen peminjam isi rumah ini, kebanyakan isi rumah berada dalam keadaan yang agak baik, dengan tahap bayaran balik pinjaman oleh isi rumah dalam sistem perbankan mencecah lebih daripada 90 peratus daripada paras yang dicatatkan pada tempoh sebelum pemberian moratorium secara automatik.

Dalam pasaran harta tanah di Malaysia, aktiviti pasaran perumahan kembali pulih sedikit pada suku ketiga tahun 2020 dalam keadaan persekitaran kadar faedah yang rendah dan langkah-langkah yang berterusan untuk menyokong permintaan. Nilai purata urus niaga perumahan meningkat untuk suku kedua berturut-turut dan memberikan sokongan kepada harga rumah. Keadaan pasaran yang lebih lembap juga telah mendorong peralihan bekalan ke arah segmen perumahan yang lebih mampu milik. Ini merupakan penyesuaian yang dialu-alukan bagi mengurangkan ketakpadanan permintaan-bekalan yang menjejaskan kemampuan untuk memiliki rumah. Keadaan ini juga membantu mengurangkan risiko pembetulan harga yang tidak terkawal pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, segmen harta tanah bukan kediaman terus menghadapi cabaran yang besar. Segmen hotel masih terjejas dengan ketara akibat sekatan perjalanan, manakala pemulihan dalam bilangan pengunjung di pusat beli belah juga menghadapi rintangan daripada kebimbangan yang masih wujud mengenai penularan semula COVID-19. Beberapa perniagaan telah mula mengecilkan ruang pejabat dalam keadaan pengaturan bekerja yang fleksibel, lantas menjejaskan pertumbuhan penghunian dan penyewaan ruang pejabat. Secara kolektif, risiko potensi kerugian kepada institusi kewangan daripada prospek keupayaan membayar balik hutang dan penilaian dalam pasaran harta tanah bukan kediaman yang lebih lemah didapati telah meningkat

akibat COVID-19. Walau bagaimanapun, bank-bank telah menyediakan peruntukan yang mencukupi terhadap potensi kerugian kredit, yang dijangka kekal terurus memandangkan bahagian dedahan institusi perbankan yang rendah dan menurun kepada segmen pasaran harta tanah yang menunjukkan risiko yang lebih tinggi.

Kos kredit keseluruhan institusi perbankan kekal pada paras yang tinggi apabila institusi perbankan terus menambah peruntukan bagi menghadapi kemungkinan kerugian kredit yang lebih tinggi. Pelbagai langkah yang diperkenalkan sejak teretusnya krisis, termasuklah program bantuan bayaran balik pinjaman oleh institusi perbankan, skim pembiayaan bersasar dan program bantuan kerajaan telah membantu menghindarkan kesan kerosakan ekonomi yang berpanjangan dan limpahan seterusnya kepada sistem kewangan. Namun demikian, institusi perbankan menghadapi cabaran yang besar untuk menilai prestasi pinjaman, yang sebahagiannya disebabkan oleh keupayaan peminjam membayar balik hutang yang kurang jelas terutama sekali bagi peminjam yang masih di bawah moratorium pinjaman.

Meskipun tekanan terhadap pendapatan mungkin berterusan pada tahun 2021, kesannya dijangka kurang teruk berbanding tahun 2020 sebahagiannya disebabkan oleh kegiatan menyediakan peruntukan lebih awal oleh institusi perbankan. Peningkatan ekonomi dalam negeri dan global, di samping langkah sokongan yang berterusan serta keupayaan operasi oleh institusi perbankan untuk berbincang dan membantu peminjam yang menghadapi tekanan kewangan, akan membantu peminjam mengekalkan keupayaan membayar balik hutang selanjutnya dan menyokong pendapatan institusi kewangan. Dalam sektor insurans dan takaful, kesan daripada langkah bantuan sementara dan banjir yang berlaku baru-baru ini terhadap tahap keuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful juga kekal terhad setakat ini. Pada masa hadapan, persekitaran kadar faedah yang rendah akan terus memberikan cabaran kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, manakala penanggung insurans am mungkin menghadapi prospek kos insurans semula yang semakin meningkat berikutan kerugian berkaitan pandemik dan bencana alam yang dialami.

Secara keseluruhan, sistem kewangan kekal dalam kedudukan yang utuh untuk terus menyokong

pemulihan ekonomi, dengan tahap permodalan yang kukuh bagi menyerap sebarang potensi kerugian dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Ujian tekanan yang dikemas kini oleh Bank mengesahkan daya tahan sistem kewangan, dengan sistem perbankan dan sektor insurans dijangka mengekalkan nisbah modal melebihi tahap minimum pengawalseliaan walaupun berdasarkan simulasi senario di mana keadaan ekonomi ketara lebih

lemah. Institusi kewangan juga kekal berdaya tahan dari segi operasi dan akan terus mengambil langkah mengukuhkan lagi pengaturan tindak balas terhadap krisis dengan mengambil kira cabaran operasi yang berpunca daripada pandemik. Seterusnya, pengaturan ini akan memberikan jaminan yang lebih tinggi mengenai keupayaan mereka untuk mengekalkan operasi penting dan mempercepatkan penyesuaian institusi kewangan kepada keadaan operasi yang berubah pada masa hadapan.



# Menangani COVID-19: Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2020

9	Risiko Pasaran
12	Risiko Kredit
29	Risiko Operasi



# Menangani COVID-19: Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2020

## RISIKO PASARAN

### Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun mengalami beberapa episod volatiliti yang berterusan


Meskipun jangkitan COVID-19 menular semula dan sekatan kawalan pergerakan diperketat di seluruh dunia menjelang akhir tahun 2020, keadaan pasaran kewangan global pada separuh kedua tahun 2020 bertambah baik berbanding dengan tempoh awal pandemik tersebut. Keadaan yang lebih baik ini disokong oleh pelaksanaan langkah-langkah dasar monetari berskala besar di banyak negara, kemajuan dalam perkembangan dan pemberian vaksin COVID-19, dan prospek pemulihan yang lebih baik daripada jangkaan. Gabungan semua faktor ini mendorong kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko. Di dalam negeri, beberapa tempoh tekanan pasaran yang lebih tinggi<sup>1</sup> diperhatikan pada dua bulan pertama tahun 2021 berikutan tindak balas pelabur terhadap pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pengisytiharan keadaan darurat oleh Kerajaan dan peningkatan kadar hasil bon global dan domestik. Namun demikian, tahap tekanan masih jauh di bawah paras yang dicatatkan pada bulan Mac hingga April 2020 (Rajah 1.1). Penurunan penarafan Malaysia oleh Fitch Ratings pada bulan Disember memberi kesan yang terhad

<sup>1</sup> Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) merupakan instrumen yang digunakan oleh Bank untuk mengukur tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik dan mendorong tekanan pasaran. FMSI telah ditambah baik baru-baru ini untuk meningkatkan kemantapan dan kepekaannya sebagai penunjuk amaran awal. Yang penting, penambahbaikan itu meliputi (i) perangkuman penunjuk harga baharu yang membolehkan pembezaan yang lebih tepat antara peningkatan dan penguncupan pasaran, (ii) pemansuhan subindeks bagi institusi kewangan, dan (iii) penggunaan purata bergerak berwajaran eksponen yang memberikan wajaran lebih besar kepada pemerhatian penunjuk volatiliti dan mudah tunai baru-baru ini untuk menambah baik ketepatan masa FMSI dalam merekodkan peristiwa tekanan.

terhadap pasaran kewangan, memandangkan keadaan dalam pasaran pertukaran asing, bon, ekuiti dan wang kekal teratur.


Pasaran ekuiti domestik terus mencatatkan pemulihan yang menyeluruh sejak bulan Mac 2020. Namun, sebahagian peningkatan ini berkurang dalam dua bulan pertama tahun 2021 berikutan beberapa episod volatiliti yang ketara dan aliran keluar bukan pemastautin (Rajah 1.2). Aliran keluar bukan pemastautin berterusan, dengan jumlah sebanyak

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg




RM10 bilion (USD2.4 bilion) dari bulan Julai 2020 hingga Februari 2021. Namun demikian, kesan aliran keluar ini adalah terhad memandangkan penyertaan pelabur runcit dan institusi domestik terus kukuh. Hal ini didorong terutamanya oleh penyertaan pelabur runcit dalam pasaran ekuiti domestik yang meningkat dengan ketara untuk mencukupi 37% daripada jumlah nilai urusaniaga pada bulan Februari 2021 (2020: 34%; purata 3-tahun: 19%), melebihi bahagian yang dicakupi oleh pelabur institusi domestik (Februari 2021: 27%; 2020: 30%; purata 3-tahun: 41%). Dengan kadar faedah berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan sebelum ini, aktiviti pelaburan runcit dijangka berterusan dalam tempoh terdekat kerana pelabur mencari pulangan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, risiko kepada bank daripada aktiviti ini adalah terhad kerana aktiviti ini tidak didorong oleh pinjaman. Tambahan pula, pinjaman isi rumah yang digunakan untuk membeli saham tersenarai (*quoted shares*) masih kekal rendah pada 0.5% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan (purata 5-tahun: 0.5%). Kebanyakan peminjam adalah antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan kemampuan kewangan yang lebih besar untuk menanggung potensi kejutan harga. Pinjaman kepada firma pembroker saham dan pengurus dana juga masih berada pada paras yang rendah, iaitu 0.05% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan. Pelabur institusi domestik terus memberikan sokongan kitaran berbalas semasa tempoh aliran keluar pada separuh kedua tahun 2020. Hal ini berlaku apabila beberapa entiti meningkatkan pembelian ekuiti bersih untuk mengambil manfaat daripada pembetulan pasaran setelah peningkatan yang didorong oleh aktiviti pelaburan runcit menjadi reda buat sementara waktu.

### Pasaran bon mencatatkan peningkatan aliran masuk bukan pemastautin bersih berikutan sentimen risiko yang bertambah baik

Pasaran bon domestik mencatatkan aliran masuk bukan pemastautin bersih yang berjumlah RM33.5 bilion (USD8.1 bilion) dalam tempoh Julai 2020 hingga Februari 2021 (Rajah 1.3), berikutan sentimen risiko yang bertambah baik terhadap pasaran sedang pesat membangun dan jangkaan kadar faedah rendah yang berpanjangan dalam ekonomi maju. Bahagian pemegang bukan pemastautin dalam


**Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik**



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

pasaran bon kerajaan meningkat daripada 21% pada bulan April 2020 kepada 24.7% pada akhir Februari 2021 (purata 5-tahun: 26%). Meskipun pembelian pelabur bukan pemastautin lebih tinggi, kadar hasil bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10-tahun meningkat 44 mata asas kepada 3.09% pada akhir Februari 2021 (akhir Disember 2020: 2.65%). Hal ini berlaku berikutan jangkaan lebih banyak terbitan bon kerajaan pada tahun 2021 dan peningkatan kadar hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat (US Treasury, UST). Peningkatan berterusan kadar hasil UST pada dua bulan pertama tahun 2021 adalah disebabkan oleh jangkaan pertumbuhan dan inflasi yang lebih tinggi di AS berikutan langkah rangsangan tambahan dan pemulihan yang disokong oleh perkembangan vaksin. Hal ini seterusnya menyebabkan keluk kadar hasil bon kerajaan di kebanyakan negara juga mencuram, termasuk MGS. Perbezaan kadar hasil MGS 3-tahun dengan kadar hasil MGS 10-tahun meningkat kepada kira-kira 100 mata asas (purata 5-tahun: 55 mata asas). Walau bagaimanapun, perbezaan kadar hasil MGS dengan kadar hasil UST mengecil disebabkan oleh peningkatan yang lebih besar dalam kadar hasil UST (Rajah 1.4). Dalam pasaran bon korporat, spread kredit kertas berpenarafan AAA 10-tahun kembali ke paras yang wajar pada kira-kira 57 mata asas (purata antara bulan Julai 2020 hingga Februari 2021) selepas meningkat seketika kepada 105 mata asas pada bulan April 2020. Tindakan syarikat-syarikat untuk meningkatkan mudah tunai bersama-sama dengan keadaan pemerolehan dana yang lebih menggalakkan ini telah memulihkan terbitan bon korporat kasar, yang berjumlah RM65.5 bilion pada separuh kedua tahun 2020 (ST1 2020: RM38.6 bilion).

**Rajah 1.4: Pasaran Kewangan – Perbezaan Kadar Hasil MGS 10-tahun dengan Kadar Hasil UST 10-tahun**



Sumber: Bloomberg

Penawaran bon kerajaan yang lebih tinggi pada tahun 2021 dan peningkatan berterusan kadar hasil UST boleh memberikan tekanan yang menyebabkan kenaikan kadar hasil bon domestik, sekali gus meningkatkan risiko kerugian penilaian mengikut pasaran dan menaikkan kos pendanaan bagi institusi kewangan, perniagaan dan Kerajaan. Dengan pengurusan risiko yang aktif dan strategi perlindungan nilai yang dijalankan oleh institusi kewangan, impak daripada volatiliti pasaran dijangka akan kekal pada paras yang terurus dan tidak akan mengancam kekukuhan institusi kewangan.

Kadar hasil yang meningkat dijangka tidak akan meninggalkan impak yang ketara kepada kos pendanaan bank. Ini kerana peranan instrumen pendanaan dari pasaran adalah kecil (19.3% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan). Tambahan pula, pasaran bon yang mendalam dan mudah cair serta kumpulan pelabur yang pelbagai di Malaysia dijangka dapat mengurangkan sebahagian risiko ini dan memelihara keadaan pasaran yang teratur, sekali gus membekalkan sokongan kepada keyakinan dalam pasaran dan keantaraan kewangan. Dalam keadaan sentimen risiko bertambah baik, MGS kekal menarik secara relatif dan terus menawarkan kadar hasil benar dan jumlah pulangan yang positif kepada pelabur. Hal ini dijangka dapat mengekalkan permintaan keseluruhan terhadap bon kerajaan dan mengurangkan kesan terhadap kadar hasil akibat peralihan yang dijangka bagi sebahagian mudah tunai yang dipegang oleh pelabur institusi domestik untuk menyokong langkah-langkah bantuan kerajaan.

Pada masa hadapan, faktor-faktor dalam negeri seperti pengurusan pandemik dan perkembangan politik akan terus mempengaruhi sentimen pelabur dan pengagihan portfolio dengan ketara, apabila ekonomi semakin pulih berikutan pemberian vaksin di seluruh dunia.

## RISIKO KREDIT

### Sektor perniagaan secara keseluruhan kekal berdaya tahan meskipun mengalami gangguan operasi, namun beberapa sektor menghadapi prospek yang mencabar

Separuh kedua tahun 2020 menyaksikan sedikit pemulihan dalam persekitaran operasi perniagaan, apabila sekatan pergerakan dilonggarkan secara beransur-ansur di kebanyakan tempat di negara ini. Berbanding dengan kegiatan ekonomi yang terhenti secara mendadak merentas kebanyakan sektor perniagaan pada separuh pertama tahun 2020, langkah pembendungan COVID-19 yang dilaksanakan baru-baru ini adalah kurang ketat dan lebih bersasar. Namun demikian, pemulihan ternyata tidak sekata merentas sektor perniagaan yang berlainan. Sektor perkilangan terus bertambah baik. Perniagaan yang berkaitan dengan pengguna seperti sektor perdagangan borong dan runcit serta hotel dan restoran, yang mencakupi 7.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan, meraih manfaat daripada pelonggaran sekatan pergerakan dalam negeri pada separuh kedua tahun 2020. Namun, sektor-sektor ini mengalami pemulihan yang secara relatif lebih perlahan seiring dengan sentimen pengguna yang terus lemah. Penutupan perniagaan dan pemberhentian pekerja meningkat dalam industri berkaitan pelancongan,<sup>2</sup> apabila sesetengah syarikat dalam segmen ini menanggung kerugian besar dan berdepan dengan prospek kelemahan permintaan yang berpanjangan. Dedahan kepada industri ini kekal kecil pada 2.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Dalam sektor minyak dan gas,<sup>3</sup> meskipun harga minyak meningkat dalam keadaan volatiliti permintaan minyak yang berterusan, pemulihan sepenuhnya aktiviti sektor ini hingga tahap sebelum pandemik akan bergantung pada kadar pemulihan ekonomi global.


Prestasi kewangan sektor perniagaan<sup>4</sup> telah terjejas akibat perkembangan ini, lantas memaksa

<sup>2</sup> Industri berkaitan pelancongan merangkumi syarikat dalam sektor perkhidmatan yang berikut: syarikat penerbangan, pengangkutan darat, hotel dan restoran, hiburan dan taman tema, pelancongan perubatan dan ejen pelancongan.

<sup>3</sup> Mencakupi 0.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

banyak syarikat membuat pelarasan dari segi operasi dan kewangan. Berikutan keuntungan yang semakin menyusut, syarikat tersenarai bertindak balas terhadap tekanan aliran tunai dengan mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pemegangan penampun mudah tunai, dengan median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD)<sup>5</sup> meningkat kepada 1.1 kali (S2 2020: 1 kali). Terdapat juga beberapa aktiviti penyahleverage (*deleveraging*) yang diperhatikan dalam kalangan syarikat, terutamanya dalam sektor perkilangan dan kebanyakan subsektor perkhidmatan. Ini menjadikan, median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR)<sup>6</sup> meningkat kepada 4.1 kali (S2 2020: 3.9 kali) (Rajah 1.5). Bilangan syarikat yang berisiko<sup>7</sup> menurun sedikit kepada 31.8% daripada jumlah syarikat tersenarai, tetapi kekal pada tahap yang tinggi (S2 2020: 32.9%; purata lima tahun: 21.7%).

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

<sup>4</sup> Penilaian prestasi kewangan syarikat tersenarai adalah setakat suku ketiga tahun 2020. Pada 17 Februari 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia Berhad mengumumkan langkah-langkah bantuan sementara tambahan. Antaranya termasuklah pelanjutan selama sebulan secara automatik untuk penerbitan laporan tahunan dan suku tahunan bagi Pasaran Utama dan Pasaran ACE, selain penyata kewangan tahunan dan separuh tahunan yang diaudit bagi Pasaran LEAP, dengan tarikh akhir asalnya adalah masing-masing pada 28 Februari, 31 Mac, atau 30 April 2021.

<sup>5</sup> Paras ambang kehematan bagi CASTD ialah satu kali.

<sup>6</sup> Paras ambang kehematan bagi ICR ialah dua kali.

<sup>7</sup> Syarikat yang berisiko ditakrifkan sebagai syarikat korporat bukan kewangan tersenarai dengan ICR di bawah paras ambang kehematan dua kali.

Walau bagaimanapun, penambahbaikan ini menyembunyikan kesan yang tidak sekata akibat krisis ini terhadap sektor perniagaan yang berlainan. Syarikat-syarikat dalam industri yang lebih teruk terjejas telah mengalami penyusutan penampakan kewangan berikutan penguncupan hasil yang mendadak. Misalnya dalam segmen hotel dan restoran,<sup>8</sup> median CASTD dan ICR telah menurun dengan ketara sejak permulaan krisis, masing-masing kepada 0.5 kali dan 0.3 kali (S4 2019: 0.7 kali dan 2.5 kali). Syarikat-syarikat dalam sektor ini, dan syarikat yang mengharungi tempoh krisis dalam keadaan kedudukan berleveraj tinggi adalah lebih cenderung mengalami kemungkiran dan ketaksolvenan sekiranya keadaan ekonomi kekal lemah untuk tempoh yang lebih panjang (rujuk Rencana Maklumat 'Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara').

Meskipun kesan daripada krisis kesihatan ini telah dirasai di seluruh sektor perniagaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengalami kesan yang lebih besar memandangkan penampakan kewangan mereka lebih terhad dan margin keuntungan mereka pada amnya lebih kecil. Kaji selidik yang dijalankan sepanjang tahun 2020 menunjukkan PKS kurang optimis tentang prospek kelangsungan perniagaan mereka dalam mengharungi pandemik yang berlarutan. Keupayaan PKS untuk merekayasa semula perniagaan mereka juga lebih terbatas berbanding dengan syarikat yang lebih besar, disebabkan oleh kekangan kewangan dan modal insan yang sedia ada serta penerapan teknologi baharu yang lebih perlahan. Dalam hal ini, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan terus memberikan bantuan bayaran balik kepada PKS untuk menempuh cabaran yang berlarutan dalam persekitaran ekonomi. Langkah ini diperkukuh selanjutnya oleh sokongan yang cukup besar daripada Kerajaan dan Bank, termasuk kemudahan pembiayaan bersasar dan dana untuk menyokong aliran tunai, selain pelaburan modal dalam automasi dan pendigitalan. Bersama-sama dengan penerusan semula aktiviti ekonomi secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2020, langkah-langkah ini telah membantu PKS mengekalkan bayaran balik pembiayaan. Hasilnya, bayaran balik agregat oleh PKS bagi pinjaman sedia ada dan pinjaman baharu kembali menghampiri paras sebelum pandemik apabila moratorium pinjaman


secara automatik berakhir pada bulan September 2020. Langkah-langkah bantuan tambahan yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2021 serta pakej rangsangan PERMAI dan PEMERKASA juga dijangka memberikan sokongan selanjutnya kepada PKS pada masa hadapan.

Kadar pertumbuhan pinjaman perniagaan<sup>9</sup> menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2020 (0.9%; ST1 2020: 3.9%) apabila syarikat-syarikat terus berhati-hati dalam meningkatkan tahap leveraj berikutan pemulihan keadaan perniagaan yang tidak sekata. Institusi perbankan sedikit sebanyak terus mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dalam memenuhi permintaan kredit baharu bagi sesetengah segmen peminjam, berikutan prospek makroekonomi yang tidak menentu dan keupayaan membayar balik hutang yang kurang jelas disebabkan oleh program penangguhan bayaran balik pinjaman. Sebaliknya, terbitan bon syarikat korporat bukan kewangan bersih telah meningkat berbanding dengan separuh pertama tahun 2020, apabila syarikat-syarikat besar yang lebih kukuh mengambil kesempatan daripada kadar pendanaan yang lebih murah susulan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) secara berturut-turut untuk membiayai semula hutang dan membina penampakan tunai. Hutang luar negeri bagi sektor syarikat korporat bukan kewangan meningkat sebanyak 5.1%, didorong oleh peminjaman tambahan oleh syarikat perkilangan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui serta elektrik dan elektronik (E&E). Sektor-sektor ini secara relatif kekal terlindung daripada gangguan operasi akibat pelaksanaan semula sekatan kawalan pergerakan pada separuh kedua tahun 2020. Dalam kalangan PKS, yang secara kolektif mencakupi 15.8% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan, permintaan untuk pembiayaan secara relatif masih kukuh, dengan hampir 162,000 permohonan pinjaman diterima oleh bank pada separuh kedua tahun 2020, berbanding dengan 123,500 permohonan secara purata untuk tempoh yang sama antara tahun 2017 hingga 2019. Namun begitu, jumlah yang dipinjam oleh PKS ternyata lebih rendah, dengan saiz purata permohonan pinjaman modal kerja baharu dalam kalangan PKS adalah sehingga 40% lebih rendah daripada saiz permohonan sebelum bermulanya pandemik. Secara keseluruhan, nisbah hutang syarikat korporat bukan kewangan kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat kepada 110%, disebabkan terutamanya oleh KDNK yang lebih lemah pada tahun 2020 (Rajah 1.6).

<sup>8</sup> Mencakupi 1.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

<sup>9</sup> Merujuk pinjaman dan pembiayaan, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

**Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Hutang Agregat**



[...] merujuk kadar pertumbuhan tahunan hutang agregat syarikat korporat bukan kewangan

Sumber : Bank Negara Malaysia

Bagi membantu perniagaan mengharungi tempoh yang mencabar ini, sokongan pembiayaan terus tersedia kepada perniagaan yang layak dan berdaya maju menerusi skim seperti Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (Danajamin PRIHATIN Guarantee Scheme, DPGS), serta jaminan kredit oleh Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, CGC) dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP). Bank turut memperuntukkan dana untuk menguruskan kesan terhadap industri yang paling teruk terjejas akibat langkah pembendungan tersebut, melalui Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing, PTF) dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF), serta memudahkan inovasi dan pelaburan modal melalui Dana Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (High Tech Facility- National Investment Fund, HTF-NIA). Semua dana ini, bersama-sama dengan Kemudahan Bantuan Khas yang diperuntukkan pada separuh tahun pertama 2020, telah memperkukuh aliran kredit bank kepada perniagaan dalam persekitaran penghindaran risiko yang lebih tinggi (sila rujuk Rencana Maklumat 'Pemahaman Tentang Keadaan Kredit Menerusi Kaji Selidik').


Bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan oleh bank setakat ini telah membendung sebarang peningkatan kemungkiran yang ketara, dengan nisbah pinjaman terjejas perniagaan secara keseluruhan pada 2.6% (Rajah 1.7). Penurunan gred dalam bon korporat dan sukuk berpenarafan domestik juga terhad (2020: 7; 2019: 7), sekali gus

mencerminkan kedudukan kewangan yang lebih kukuh secara relatif<sup>10</sup> bagi syarikat-syarikat yang memanfaatkan pasaran bon domestik.

Walaupun risiko untuk beberapa sektor kekal tinggi, institusi perbankan terus mempunyai penampakan yang mencukupi untuk menghadapi potensi kerugian kredit

Walaupun bagaimanapun, penunjuk berpandangan ke hadapan institusi perbankan menjangkakan keadaan perniagaan akan terus lemah pada tempoh yang akan datang. Bahagian pinjaman perniagaan dengan risiko kredit yang lebih tinggi<sup>11</sup> berdasarkan laporan bank meningkat lagi sehingga bulan Disember 2020 (15.7%; Jun 2020: 14.1%), terutamanya bagi syarikat dalam sektor-sektor yang sangat terdedah kepada pandemik ini. Bilangan perniagaan yang terlibat dengan pelan bantuan bayaran balik pinjaman juga bertambah, didorong oleh PKS setelah berakhirnya moratorium pinjaman secara automatik, walaupun bahagian jumlah akaun pinjaman perniagaan kekal sederhana (9.7% setakat bulan Disember 2020). Hal ini menandakan kebanyakan peminjam dapat meneruskan bayaran balik pinjaman apabila perniagaan mereka semakin pulih. Meskipun sebahagian besar syarikat yang meraih manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman ialah PKS (mencakupi 90% daripada

**Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar**



— Perniagaan keseluruhan: Pinjaman terjejas kasar  
— PKS: Pinjaman terjejas kasar

Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>10</sup> Lebih 90% daripada bon berpenarafan yang terkumpul mempunyai penarafan sekurang-kurangnya AA, menandakan keupayaan yang kukuh untuk membayar balik pinjaman secara tepat pada masanya.


<sup>11</sup> Diklasifikasikan sebagai pinjaman Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

jumlah akaun pinjaman yang diluluskan untuk penjadualan semula dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring, R&R*)), sebilangan besar syarikat bukan PKS yang beroperasi dalam sektor yang terjejas akibat COVID-19 turut memohon R&R untuk mengurus obligasi mereka. Dari segi nilai, jumlah pinjaman perniagaan di bawah bantuan bayaran balik pinjaman mencakupi 17% daripada jumlah pinjaman perniagaan (Rajah 1.8).

Penularan semula kes COVID-19 pada awal tahun 2021 telah menghalang pemulihan sesetengah perniagaan buat sementara waktu, dengan syarikat-syarikat dalam sektor tertentu mengubah jangkaan awal mereka bahawa keadaan operasi akan bertambah baik pada tahun itu. Meskipun prospek

bagi sektor-sektor ini dijangka terus mencabar, pelonggaran langkah pembendungan baru-baru ini, pemberian vaksin, dan bantuan bayaran balik pinjaman yang berterusan daripada bank dijangka mengurangkan sebarang kenaikan yang ketara dalam pinjaman berisiko. Penambahbaikan dalam ekonomi global dan dalam negeri seharusnya mengukuhkan lagi keupayaan membayar balik hutang, seiring dengan dasar sokongan secara lebih bersasar. Institusi perbankan terus mempunyai penampakan yang mencukupi untuk menghadapi peningkatan kerugian kredit yang dijangka daripada sektor perniagaan, disokong oleh peruntukan awalan yang disediakan pada tahun 2020 (untuk butiran lanjut sila rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan').

**Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan Semula dan Penstrukturan Semula Mengikut Sektor**



Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pemahaman Tentang Keadaan Kredit Menerusi Kaji Selidik


Rencana maklumat ini meninjau keadaan kredit perniagaan pada tahun 2020 dan prospek bagi tahun 2021 berikutan peningkatan risiko kredit dan kerugian pinjaman lebih tinggi yang dialami oleh institusi perbankan. Rencana ini meneliti pemahaman yang mendalam daripada kaji selidik dari sudut penawaran<sup>12</sup> dan permintaan<sup>13</sup> yang dijalankan oleh Bank pada suku keempat tahun 2020.

### Keupayaan institusi perbankan untuk memberikan pinjaman kekal kukuh, namun kesanggupan mengambil risiko menjadi lebih berhati-hati

Secara agregat, sasaran awalan pemberian pinjaman bagi tahun 2021 merentas bank menunjukkan bahawa sistem perbankan lebih daripada berupaya untuk menyokong permintaan kredit selaras dengan unjuran pertumbuhan KDNK. Keadaan ini disokong oleh keupayaan bank untuk memberikan pinjaman berdasarkan penampakan modal, pendanaan dan mudah tunai yang kukuh. Walau bagaimanapun, risiko kredit yang lebih ketara dan pinjaman terjejas serta kos-kos lain yang berkaitan yang semakin meningkat telah menyebabkan lebih banyak aktiviti penghindaran risiko dan hal ini boleh mempengaruhi keputusan bank dalam pemberian pinjaman tertentu. Berdasarkan prospek ekonomi yang sangat tidak menentu dan kebergantungannya terhadap kemajuan pemvaksinan dan evolusi virus, bank mengambil pendekatan lebih berhati-hati dalam memenuhi permintaan kredit baharu. Risiko pembayaran balik pinjaman yang meningkat dengan ketara dan prospek makroekonomi yang masih tidak menentu kekal menjadi faktor utama yang boleh menjejaskan keadaan kredit pada tahun 2021.

Kaji selidik terhadap bank-bank menunjukkan bahawa keadaan kredit mungkin menjadi sedikit lebih ketat bagi peminjam korporat, manakala keadaan bagi PKS dijangka lebih mudah pada separuh pertama tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 (Rajah 1.9). Hal ini mencerminkan terutamanya saiz pinjaman syarikat korporat yang lebih besar dan lazimnya tidak bercagar. Sebaliknya, saiz pinjaman PKS pada amnya lebih kecil dan mempunyai cagaran, dan mereka terus menerima bantuan utama daripada pelbagai langkah kerajaan.

**Rajah 1.9: Jangkaan Bank-bank bagi Perubahan dalam Keadaan Pembekalan Kredit Mengikut Saiz Perniagaan**



**Nota:** Respons berwajaran bank-bank yang dikaji. Skor diperoleh mengikut mata asas bersih, iaitu dua bank dengan tahap pelonggaran dan pengetatan yang sama akan saling mengimbangi antara satu sama lain berdasarkan bahagian pinjaman masing-masing. Skala: Longgar dengan ketara (-2); Longgar sedikit (-1); Neutral (0); Ketat sedikit (+1); Ketat dengan ketara (+2)


Sumber: Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020)

<sup>12</sup> Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020) mengkaji 17 buah bank, terdiri daripada kumpulan perbankan domestik, bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan institusi kewangan pembangunan.

<sup>13</sup> Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020 mengkaji kira-kira 2,000 entiti perniagaan yang terdiri daripada perusahaan mikro, kecil, sederhana dan besar.

Kesanggupan bank mengambil risiko dengan lebih berhati-hati adalah selaras dengan persepsi perniagaan berhubung dengan keadaan pembiayaan. Berikutan penyambungan semula sebahagian daripada kegiatan ekonomi pada bulan Mei 2020 selepas sekatan pergerakan dilonggarkan, sektor perniagaan menunjukkan permintaan terhadap pembiayaan bank bertambah baik namun tanggapan terhadap ketersediaan bank memberikan pembiayaan dianggap lebih rendah. Hal ini menghasilkan jurang pembiayaan<sup>14</sup> yang lebih besar sepanjang enam bulan lalu. Perniagaan kecil merupakan kumpulan yang paling terjejas akibat jurang pembiayaan ini. Sekitar 32% daripada PKS menunjukkan jurang pembiayaan yang lebih besar. Sebaliknya, kedudukan perniagaan besar pula adalah lebih baik, dengan 82% daripadanya melaporkan jurang pembiayaan sama ada tidak berubah atau semakin kecil (Rajah 1.10). Meskipun bank melaporkan keadaan kredit yang lebih ketat dialami oleh syarikat bukan PKS, tanggapan syarikat bukan PKS bahawa keadaan kredit lebih menggalakkan mungkin disebabkan oleh hubungan mereka yang lebih kukuh dengan bank. Hubungan ini seterusnya membolehkan rundingan yang lebih khusus bagi permohonan pinjaman. Perniagaan yang lebih besar juga boleh bergantung pada pelbagai sumber pembiayaan seperti pasaran modal dan dana dalaman. Setelah mengambil kira semua faktor ini, syarikat bukan PKS mungkin menganggap bahawa kekangan bagi ketersediaan pembiayaan adalah lebih rendah.

**Rajah 1.10: Permintaan Syarikat/Firma untuk Pembiayaan Bank berbanding dengan Tanggapan Mengenai Ketersediaan untuk Pembiayaan Bank, ST2 2020**



Nota: Rajah menunjukkan perbezaan antara jawapan individu terhadap permintaan untuk pembiayaan bank dengan tanggapan mengenai ketersediaan pembiayaan bank bagi 6 bulan terakhir tahun 2020, mengikut skala 'Berkurang', 'Tidak berubah' dan 'Meningkat'. Peningkatan jurang pembiayaan diwakili oleh peningkatan permintaan untuk pembiayaan bank dan/atau pengurangan dalam tanggapan ketersediaan pembiayaan bank.

Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020

Selaras dengan kebimbangan yang lebih besar mengenai risiko pembayaran balik pinjaman, penawaran kredit mungkin lebih diutamakan bagi pembiayaan modal kerja yang tempohnya lebih pendek berbanding dengan pembiayaan untuk pelaburan dan perbelanjaan modal (Rajah 1.11). Keadaan ini secara amnya sejajar dengan keperluan pembiayaan perniagaan berdasarkan perniagaan yang ditinjau dalam kaji selidik, yang turut melaporkan permintaan lebih tinggi untuk modal kerja berbanding dengan pembiayaan bagi perbelanjaan modal untuk enam bulan pertama tahun 2021 (Rajah 1.12). Bagi jangka lebih panjang, permintaan terhadap pembiayaan pelaburan dijangka meningkat. Bank-bank mempunyai keupayaan untuk memenuhi peningkatan dalam permintaan ini, dengan sokongan padu daripada kekukuhan dan kadar pemulihan ekonomi yang bertambah baik.


Pengurangan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif pada tahun 2020 juga telah mengurangkan kadar rintangan<sup>15</sup> (*hurdle rates*) dalaman bank dan membantu menstabilkan kadar faedah pembiayaan.

<sup>14</sup> Perubahan dalam jurang pembiayaan ditakrifkan sebagai perbezaan antara perubahan dalam permintaan syarikat untuk pembiayaan bank dengan perubahan dalam tanggapan ketersediaan pembiayaan bank. Peningkatan jurang pembiayaan akan digambarkan oleh peningkatan permintaan untuk pembiayaan bank dan/atau pengurangan dalam tanggapan ketersediaan pembiayaan bank.

<sup>15</sup> Kadar rintangan merujuk tahap pulangan modal terlaras risiko dalam penentuan harga apabila pendapatan bank daripada pemberian pinjaman adalah mencukupi untuk menampung kerugian kredit yang dijangka, kos pendanaan berkaitan dan overhead.




**Rajah 1.11: Jangkaan Bank-bank terhadap Perubahan Keadaan Pembekalan Kredit Mengikut Tujuan Pembiayaan**



Nota: Respons berujaran bank-bank yang dikaji. Skor diperoleh mengikut mata asas bersih, iaitu dua bank dengan tahap pelonggaran dan pengetatan yang sama akan saling mengimbangi antara satu sama lain berdasarkan bahagian pinjaman masing-masing. Skala: Longgar dengan ketara (-2); Longgar sedikit (-1); Neutral (0); Ketat sedikit (+1); Ketat dengan ketara (+2)

Sumber: Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020)

**Rajah 1.12: Jangkaan Syarikat/Firma terhadap Perubahan Permintaan untuk Pembiayaan Mengikut Tujuan Pembiayaan**



\* Responden diminta memberikan jangkaan permintaan mereka terhadap modal kerja dan perbelanjaan modal pada 6-12 bulan akan datang, mengikut skala daripada 'Menurun', 'Tidak berubah' dan 'Meningkat'. Responden yang menjawab 'Tidak berubah' atau 'Tidak berkaitan' tidak termasuk dalam rajah ini. Data bersih (ditunjukkan sebagai tandak titik) ialah perbezaan antara peratusan responden yang menjawab 'Meningkat' dan 'Menurun' bagi setiap kategori peruntukan pembiayaan


Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020

Walau bagaimanapun, persaingan sengit untuk mendapatkan pelanggan sejak beberapa tahun lalu telah membawa kepada penentuan harga secara agresif dan penurunan dalam keuntungan. Meskipun bank secara umumnya mengekalkan kadar pinjaman efektif yang melebihi kadar rintangan, kerugian pinjaman yang lebih besar boleh menghakis penampungan keuntungan serta menjejaskan penentuan harga dan penawaran kredit, terutamanya bagi segmen yang lebih berisiko tinggi.

Dalam tempoh terdekat, langkah pengetatan bukan berkaitan harga adalah dijangka lebih meluas dalam kalangan bank yang dikaji. Hal ini termasuk kriteria penskoran kredit dan keperluan cagaran yang lebih ketat, keperluan membuat perjanjian pinjaman (*loan covenants*) dan penetapan had saiz pinjaman maksimum. Semakan latar belakang yang lebih mendalam dan tindakan yang lebih proaktif, seperti penggunaan sumber maklumat alternatif, serta perbincangan dan interaksi yang lebih kerap dengan peminjam perniagaan turut dijalankan bagi menilai keadaan kewangan dan operasi mereka dengan lebih teliti. Langkah-langkah ini didapati tidak menimbulkan masalah yang besar kepada peminjam, dengan 88% entiti perniagaan memberikan maklum balas positif atau neutral mengenai proses bank (Rajah 1.13). Secara amnya, pengalaman positif dikaitkan dengan proses penambahbaikan yang mengurangkan masalah dan memudahkan kekangan yang dihadapi oleh peminjam semasa PKP.<sup>16</sup> Hal ini seterusnya membantu mempercepat proses kelulusan dan pengeluaran kredit meskipun keadaan operasi yang mencabar. Penambahbaikan proses ini termasuklah penggunaan proses dalam talian dan templat pembiayaan yang semakin meningkat bagi memudahkan kelulusan penjamin, lawatan ke tapak secara maya dan fleksibiliti terhadap beberapa syarat terdahulu yang khusus bagi pengeluaran pinjaman.

<sup>16</sup> Disokong oleh Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020).

Rajah 1.13: Pendapat Syarikat/Firma terhadap Proses-proses Perbankan



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020

### Langkah-langkah diperkenalkan bagi menangani risiko terhadap kestabilan kewangan

Berdasarkan persekitaran semasa, penyelarasan dalam kesanggupan bank mengambil risiko adalah dijangka dan merupakan langkah yang berhemat. Walau bagaimanapun, penghindaran risiko yang berlebihan oleh bank juga boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Oleh itu, tindak balas dasar semasa krisis ini bertujuan menyokong aliran kredit kepada ekonomi, khususnya kepada peminjam dan sektor berdaya maju yang mungkin terjejas secara tidak setara ekoran tindakan bank yang lebih berhati-hati dalam pemberian pinjaman. Langkah-langkah dasar yang diperkenalkan telah dan akan terus menyokong aktiviti pengantaraan dalam persekitaran semasa yang bercirikan risiko kredit yang lebih ketara. Pertama, keadaan pembiayaan kekal kondusif berikutan dasar monetari yang terus akomodatif. Kedua, program Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar yang memberikan pilihan pembayaran balik secara fleksibel terus disediakan kepada peminjam yang memerlukannya. Ketiga, pelanjutan fleksibiliti pengawalseliaan telah meningkatkan keupayaan kewangan dan operasi bank untuk membantu peminjam sedia ada dan baharu. Keempat, pelbagai kemudahan pembiayaan disediakan di bawah Tabung BNM untuk PKS, dan skim jaminan kredit bagi PKS dan syarikat korporat telah menyokong aliran kredit yang berterusan kepada perniagaan berdaya maju dalam keadaan penghindaran risiko kredit yang lebih ketara.

Setelah memasuki krisis ini dengan kedudukan modal dan mudah tunai yang teguh, industri perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk memudahkan aliran kredit kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, keputusan-keputusan mikro dalam pemberian pinjaman oleh bank boleh menghasilkan kesan tidak seimbang kepada perniagaan yang terjejas akibat pandemik ini. Apabila pemulihan ekonomi menjadi lebih teguh, kesan pandemik ini dijangka luput dan pelonggaran keadaan kredit akan menjadi lebih menyeluruh.

## Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara

Rangka kerja penyelesaian hutang yang kukuh kekal mustahak untuk mengurangkan curam ketaksolvenan (*insolvency cliff*) dan memberikan sokongan yang penting kepada syarikat yang bermasalah tetapi berdaya maju. Semasa tempoh krisis, jumlah syarikat yang menghadapi keadaan sedemikian boleh mencetuskan prosiding kebangkrutan pramatang yang meluas dan merencatkan pemulihan ekonomi. Berbekalkan pengalaman daripada Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC), Malaysia telah mewujudkan mekanisme penstrukturan semula hutang di luar mahkamah yang mantap untuk segmen perniagaan yang berbeza. Ditambah pula dengan mekanisme penyelamat korporat yang dibenarkan oleh mahkamah, sektor perniagaan boleh menggunakan platform berbeza yang memudahkan penyelesaian hutang dengan pemiutang secara cekap dan berkesan. Mekanisme ini secara kolektif bertujuan:

- Membantu usaha pemulihan kedudukan kewangan dan aliran tunai serta mengelakkan kegagalan pramatang peminjam yang berdaya maju;
- Meningkatkan kepantasan dan nilai pemulihan hutang; dan
- Mengurangkan potensi kerugian kepada institusi kewangan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan prospek pemulihan.

Kesan COVID-19 yang ketara terhadap banyak perniagaan menekankan betapa pentingnya peranan mekanisme ini yang terus diperkukuh untuk meningkatkan keberkesannya.

### Mekanisme Penyelamat Korporat yang Dibenarkan oleh Mahkamah

Perniagaan berdaya maju yang menghadapi kesukaran dalam membayar balik obligasi hutang mereka boleh menggunakan tiga mekanisme penyelamat berbeza yang dibenarkan mahkamah di bawah Akta Syarikat 2016 (Companies Act 2016, CA 2016). CA 2016 memperkenalkan dua mekanisme penyelamat baharu, iaitu Perkiraan Sukarela Korporat (Corporate Voluntary Arrangement, CVA) dan Pengurusan Kehakiman (Judicial Management, JM), di samping Skim Perkiraan (Scheme of Arrangement, SOA) yang telah digunakan secara meluas sebagai alat pemulihan untuk perniagaan (Jadual 1.1).

Baru-baru ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia turut mengeluarkan dokumen konsultasi berhubung dengan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2020, yang akan meluaskan skop mekanisme penyelamat ini dan pada masa yang sama menerapkan perlindungan yang mencukupi<sup>17</sup> terhadap potensi penyalahgunaan. Rang undang-undang ini akan dilengkapi dengan usaha berterusan untuk mempertingkatkan keupayaan sistem mahkamah di Malaysia bagi menyokong pelaksanaan mekanisme ini secara berkesan. Pada tahun 2020, kadar penggunaan mekanisme penyelamat yang dibenarkan mahkamah ini sudah pun mencatat peningkatan yang ketara (2020: 53; 2019: 30)<sup>18</sup> apabila lebih banyak peminjam memohon bantuan penyelesaian, terutamanya memandangkan ketidakpastian berlarutan yang berkaitan dengan pandemik.

<sup>17</sup> Perlindungan ini termasuk mengkanunkan peruntukan, antara lainnya bagi memperkasa Mahkamah untuk memberikan moratorium secara automatik kepada SOA, membenarkan keutamaan paling penting untuk pembiayaan penyelamat, memperkenalkan mekanisme pemaksaan pelan pengorganisasian semula (*cramdown*) merentas kelas pemiutang dan menahan pelupusan harta semasa moratorium.

<sup>18</sup> Sehingga Disember 2020 (Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia).

Jadual 1.1: Mekanisme Penyelamat Korporat yang Dibenarkan oleh Mahkamah

	Perkiraan Sukarela Korporat	Pengurusan Kehakiman	Skim Perkiraan
<b>Tarikh penubuhan</b>	2016	2016	1965
<b>Proses</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penstrukturan diselia oleh pihak pengurusan syarikat tanpa banyak penglibatan pihak mahkamah</li> <li>• Seorang pengamal insolvensi, iaitu individu yang boleh dilantik oleh lembaga pengarah syarikat, akan menilai daya maju skim</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuasa pengurusan syarikat akan diletakkan di bawah pengurus kehakiman yang dilantik oleh mahkamah, yang akan menyediakan skim penstrukturan semula dan mengurus hal ehwal dan harta syarikat peminjam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkiraan dengan kelulusan mahkamah diatur antara syarikat dengan pemiutang</li> <li>• Selepas pemfailan permohonan, mahkamah boleh melantik seorang penyelesaian (<i>liquidator</i>) untuk menilai daya maju skim yang dicadangkan untuk perkiraan tersebut</li> </ul>
<b>Moratorium</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas dokumen diserahkan kepada mahkamah, moratorium maksimum selama 28 hari akan diberikan secara automatik, dan boleh dilanjutkan sehingga 60 hari</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas pemfailan permohonan, moratorium akan berkuat kuasa secara automatik selama 6 bulan dan boleh dilanjutkan selama 6 bulan lagi dengan kebenaran mahkamah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas permohonan, mahkamah boleh mengenakan perintah larangan untuk 3 bulan pertama, yang boleh dibaharui sehingga 9 bulan lagi, tertakluk pada kehendak awal statutori yang perlu dipenuhi</li> </ul>
<b>Kelayakan permohonan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecuali: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Syarikat awam</li> <li>▪ Syarikat persendirian dengan pemiutang bercagar</li> <li>▪ Pemegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK 2013), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA 2007)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecuali: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Syarikat awam</li> <li>▪ Pemegang lesen di bawah APK 2013, APKI 2013 dan CMSA 2007</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua syarikat</li> </ul>
<b>Penyeliaan mahkamah</b>	Minimum (untuk pemfailan dokumen perkiraan sukarela korporat sahaja)	Minimum (untuk pemberian perintah pengurusan kehakiman sahaja)	Ya

Sumber: Akta Syarikat 2016

## Mekanisme Penyelamat di Luar Mahkamah

Bank telah mewujudkan dua platform penyelesaian hutang di luar mahkamah, iaitu Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) (Gambar Rajah 1.1). Platform ini membantu perniagaan menstrukturkan semula hutang tanpa perlu menggunakan prosiding undang-undang yang rumit, berkos tinggi dan memakan masa. Mekanisme di luar mahkamah ini memberikan fleksibiliti yang lebih besar dari segi skop, saiz dan tumpuan penyelesaian hutang untuk mengambil kira keadaan semasa. Ketika krisis, fleksibiliti ini boleh merangkumi keupayaan untuk menyesuaikan proses dan sumber dengan lebih cepat bagi mengurangkan risiko sistemik daripada syarikat yang bermasalah. Mekanisme ini juga dapat mengelakkan sistem mahkamah menjadi terlalu sesak, terutamanya semasa krisis. Platform di luar mahkamah ini, bersama-sama dengan peningkatan keupayaan bank untuk mengurus penyelesaian hutang sejak AFC, telah membolehkan kejayaan pelan penstrukturkan semula hutang bagi PKS dan syarikat korporat.

**Gambar Rajah 1.1: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil**

### Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC)

CDRC ditubuhkan pertama kali pada tahun 1998 untuk membantu penyelesaian hutang semasa AFC. Jawatankuasa ini diaktifkan semula pada tahun 2009 sebagai satu platform penyelesaian hutang di luar mahkamah untuk syarikat yang berdaya maju dan para pemiutang mengatur penyelesaian yang wajar dan holistik untuk melunaskan obligasi hutang (iaitu, pinjaman bank dan/atau sekuriti hutang). Dengan mengambil pengalaman berdasarkan Pendekatan London (*London Approach*) di United Kingdom, CDRC dipandu oleh prinsip yang memastikan layanan saksama kepada peminjam namun masih memaksimumkan nilai bagi pemiutang kewangan.

CDRC membantu penyelesaian pengurusan hutang bagi syarikat yang memenuhi kriteria yang berikut:

- i. Keberhutangan agregat berjumlah sekurang-kurangnya RM10 juta;
- ii. Berhutang dengan sekurang-kurangnya dua pemiutang kewangan;
- iii. Tidak berada dalam status penerimaan (*receivership*) atau penyelesaian (*liquidation*), kecuali dalam hal hutang syarikat di mana penerima (*receiver*) telah dilantik untuk aset tertentu sahaja dan para pengarah masih mengawal keseluruhan operasi syarikat; dan
- iv. Menghadapi kesukaran untuk mengurus obligasi hutang mereka tetapi belum mungkir, jika syarat bagi kriteria (i) & (ii) dipenuhi.

CDRC telah membantu 38 syarikat menyelesaikan RM14.1 bilion hutang agregat sejak tahun 2009.

### Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SDRS)

SDRS ditubuhkan pada tahun 2003 sebagai platform untuk institusi kewangan dan PKS yang berdaya maju merangka penyelesaian hutang tanpa menggunakan saluran undang-undang. Hal ini memberikan PKS peluang untuk memberi fokus kepada rancangan memulihkan perniagaan mereka.

SDRS menyokong rancangan penyelesaian pinjaman PKS yang memenuhi kriteria yang berikut:

- i. PKS mempunyai pembiayaan perniagaan daripada institusi kewangan yang menyertai SDRS;<sup>1</sup>
- ii. Pemilik/pemegang saham/penjamin perniagaan tidak mufis; dan
- iii. Perniagaan bukan dalam proses tindakan undang-undang, misalnya, syarikat sedang dalam perintah penggulungan, syarikat telah digulung/dalam penerimaan, penerima dan pengurus telah dilantik atau pengurus kehakiman telah dilantik di bawah pengurusan kehakiman.

Selain itu, perniagaan yang telah berhenti beroperasi juga layak untuk memohon untuk menyertai SDRS, dengan syarat pemilik perniagaan memiliki sumber pendapatan lain bagi memenuhi obligasi pembayaran balik pinjaman.

SDRS telah membantu penyelesaian pinjaman lebih 1,300 PKS dengan jumlah hutang sebanyak RM2 bilion sejak tahun 2003.

<sup>1</sup> Semua bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Sumber: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Sejak pengaktifan semula CDRC pada tahun 2009, kriteria kemasukannya<sup>19</sup> telah diperkemas beberapa kali untuk membantu lebih banyak syarikat. Sementara itu, SDRS telah diserapkan ke dalam Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada bulan September 2020. Langkah ini diambil untuk menggalakkan sinergi yang lebih padu, meluaskan kehadiran SDRS menerusi saluran dalam talian AKPK yang mantap dan mewujudkan platform sehenti yang menyediakan penstrukturkan semula hutang secara holistik serta pendidikan kewangan dan khidmat nasihat untuk individu dan PKS, termasuk usahawan mikro. Semua perubahan ini membolehkan CDRC dan SDRS menyokong secara berkesan pertumbuhan yang mungkin berlaku dalam bilangan syarikat yang memerlukan bantuan penstrukturkan semula, sekali gus mengurangkan kesan buruk kepada ekonomi dan risiko yang lebih luas kepada kestabilan kewangan.

<sup>19</sup> Nilai ambang minimum bagi hutang agregat dipinda daripada RM100 juta kepada RM30 juta pada tahun 2010, dan dikurangkan selanjutnya kepada RM10 juta pada tahun 2017. Nilai ambang minimum bagi bilangan pemiutang kewangan yang memberikan hutang telah dipinda daripada tiga kepada dua pemiutang kewangan pada tahun 2010.

## Sektor isi rumah secara keseluruhannya kekal berdaya tahan sepanjang krisis, namun sesetengah segmen mengalami tekanan kewangan yang meningkat

Pertumbuhan hutang isi rumah<sup>20</sup> kembali ke paras sebelum COVID-19 pada separuh kedua tahun 2020 apabila negara keluar daripada sekatan kawalan pergerakan yang ketat (Rajah 1.14). Pertumbuhan didorong terutamanya oleh pinjaman kenderaan dan perumahan, yang masing-masing berkembang sebanyak 6.1% dan 7.4% (Jun 2020: -0.7% dan 7.2%), hasil daripada tindak balas yang menggalakkan terhadap insentif cukai jualan dan perkhidmatan (*sales and service tax, SST*)<sup>21</sup> bagi pembelian kenderaan motor dan pelbagai insentif pemilikan rumah. Pembiayaan peribadi turut mencatatkan pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.1% (Jun 2020: 4.4%), sebahagiannya disebabkan oleh penangguhan bayaran balik pinjaman semasa tempoh moratorium pinjaman secara automatik. Secara agregat, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK meningkat kepada 93.3% terutamanya disebabkan oleh KDNK yang kekal berada di bawah paras sebelum krisis (Rajah 1.15). Hutang isi rumah yang tinggi menimbulkan kebimbangan bahawa keadaan ini boleh membawa kepada penurunan leveraj yang pantas oleh isi rumah selepas krisis, lantas menjejaskan atau menyekat pemulihan ekonomi. Namun, tidak ada bukti yang jelas tentang hal ini dengan pengeluaran baharu pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah mencecah 112% daripada paras pengeluaran pada tempoh yang sama tahun lepas.<sup>22</sup> Pengeluaran pinjaman ini telah diberikan terutamanya kepada peminjam berpendapatan sederhana dan tinggi (71%) yang masih mampu menanggung lebih banyak hutang. Dalam kalangan peminjam berpendapatan rendah, langkah-langkah yang diambil sejak beberapa tahun lalu untuk menggalakkan amalan peminjaman yang lebih bertanggungjawab sebahagiannya telah mengurangkan kesan yang lebih buruk terhadap kewangan mereka. Pemberian pinjaman terus disokong oleh piawai pengunderaitan yang kukuh, dengan median keseluruhan nisbah khidmat

bayaran hutang (*debt service ratio, DSR*) yang stabil untuk pinjaman terkumpul dan baru diluluskan, masing-masing pada 35% dan 43%.

Kejutan baru-baru ini menekankan betapa pentingnya isi rumah mengumpulkan penampungan kewangan semasa ekonomi dalam keadaan baik. Penampungan ini membolehkan isi rumah menampung keperluan kewangan semasa keadaan ekonomi yang sukar dan seterusnya mengurangkan kesan terhadap aktiviti penggunaan dan keupayaan bayaran balik hutang. Bagi sebahagian besar peminjam isi rumah, penampungan kewangan secara amnya kekal utuh. Pertumbuhan aset kewangan terus mengatasi hutang, didorong oleh pertumbuhan deposit yang berterusan dan pemulihan dalam pemegangan amanah saham dan ekuiti (Rajah 1.16). Hal ini menunjukkan bahawa secara agregat, isi rumah masih dapat menambah kekayaan mereka dari segi kewangan dalam tempoh tersebut. Konsisten dengan trend ini, pada separuh kedua tahun 2020, bayaran balik pinjaman oleh isi rumah dalam sistem perbankan telah mencecah 93% daripada tahap yang dilihat dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya,<sup>23</sup> menunjukkan bahawa kebanyakan peminjam telah menyambung semula bayaran balik pinjaman.

Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh Bank dalam penerbitan yang lalu, mereka yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan terus berdepan dengan kesukaran kewangan, dengan penampungan kewangan yang rendah dan leveraj<sup>24</sup> yang ketara lebih tinggi (Rajah 1.17). Peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan (Rajah 1.18) turut menunjukkan beberapa tanda tekanan kewangan seperti yang dilihat daripada profil isi rumah yang mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman. Para peminjam ini berkemungkinan berdepan dengan cabaran yang berterusan pada tahun 2021 memandangkan pemulihan yang tidak sekata dalam pasaran pekerja. Walau bagaimanapun, bank-bank kekal berdaya tahan terhadap risiko daripada sektor isi rumah, walaupun di bawah senario pengangguran dan guna tenaga tidak penuh yang dijangka lebih tinggi, yang menjejaskan lebih ramai peminjam isi rumah (rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk prospek yang lebih terperinci).

<sup>20</sup> Diberikan oleh institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.

<sup>21</sup> Berkuat kuasa mulai 15 Jun 2020 hingga 30 Jun 2021.

<sup>22</sup> Tidak termasuk kad kredit. Statistik ini membandingkan jumlah pengeluaran dalam separuh kedua tahun 2020 berbanding dengan jumlah pengeluaran dalam separuh kedua tahun 2019.

<sup>23</sup> Tidak termasuk kad kredit.

<sup>24</sup> Diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan.


Program bantuan bayaran balik pinjaman oleh institusi perbankan dan langkah bantuan kerajaan terus memberikan sokongan kepada isi rumah yang menghadapi kesukaran, lantas memudahkan aliran tunai mereka sementara mereka pulih daripada kejutan pendapatan dan menghindarkan kerosakan yang lebih teruk terhadap sistem kewangan dan ekonomi. Keupayaan institusi perbankan menawarkan bantuan kepada isi rumah pada skala yang belum pernah berlaku sebelum ini disebabkan oleh pembentukan penampungan yang berhemat semasa ekonomi dalam keadaan yang baik. Berikutan berakhirnya moratorium bayaran balik pinjaman secara automatik, bank-bank terus menawarkan bantuan yang lebih bersasar kepada mereka yang memerlukan. Pada bulan Disember 2020, pinjaman isi rumah yang termasuk di bawah pelan bantuan bayaran balik pinjaman<sup>25</sup> berjumlah sebanyak 8.9% daripada jumlah akaun pinjaman isi rumah atau 11.1% daripada dedahan pinjaman isi rumah terkumpul. Daripada akaun ini, sebanyak 59% berada di bawah moratorium pinjaman, dengan 54% daripadanya terdiri daripada peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan (Gambar Rajah 1.2). Walaupun bantuan bayaran balik pinjaman menyokong

keupayaan para peminjam membayar balik hutang buat sementara waktu, pemulihan pendapatan dan penyambungan semula kegiatan ekonomi yang lebih meluas akan menjadi keutamaan supaya peminjam yang berdepan dengan kesukaran kewangan dapat mengekalkan keupayaan membayar balik hutang mereka dalam tempoh jangka panjang.

### Bantuan bayaran balik pinjaman terus memberi sokongan kepada peminjam isi rumah yang terjejas akibat pandemik

Dengan langkah-langkah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar yang masih diteruskan, pinjaman terjejas dan delinkuen isi rumah dalam sistem perbankan hanya meningkat sedikit setelah berakhirnya moratorium pinjaman automatik secara menyeluruh (Rajah 1.19). Bank-bank terus giat berbincang dengan para peminjam, terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan lebih rendah dan sektor pekerjaan yang lebih

**Gambar Rajah 1.2: Sektor Isi Rumah – Profil Akaun di bawah Moratorium Pinjaman**




Nota: Moratorium pinjaman yang diberikan oleh bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam serta institusi kewangan pembangunan utama


Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>25</sup> Sama ada dalam bentuk moratorium bayaran balik pinjaman atau bayaran ansuran yang dikurangkan. Angka berdasarkan permohonan bantuan bayaran balik pinjaman yang diluluskan oleh institusi perbankan dan kemudiannya diterima oleh pelanggan.


**Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan**




**Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama**




**Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan**




**Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Nisbah Leveraj dan Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Hutang**



**Rajah 1.18: Sektor Isi Rumah – Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan**



**Rajah 1.19: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan**



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia Berhad, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



terjejas, seperti hotel, restoran, pengangkutan dan pembinaan, untuk memberikan bantuan bayaran balik pinjaman yang sejajar dengan keadaan kewangan peminjam. Meskipun demikian, bahagian pinjaman isi rumah dalam Tahap 2 telah meningkat kepada 7.3% (Jun 2020: 5.6%), mencerminkan peningkatan risiko kredit dalam kalangan peminjam isi rumah. Kualiti aset isi rumah dijangka terus menghadapi kemerosotan sepanjang tahun 2021, tetapi kerugian kredit yang berlaku diunjurkan masih berada dalam lingkungan penampakan bank.

### Risiko dalam pasaran harta tanah kekal tinggi

Aktiviti dalam pasaran perumahan kembali pulih selepas mencecah paras terendah pada suku kedua tahun 2020 (Rajah 1.20). Jumlah urus niaga meningkat pada kadar yang setanding dengan pertumbuhan purata suku tahunan yang dilihat sebelum tercetusnya pandemik COVID-19. Keadaan ini mencerminkan tindak balas yang positif terhadap langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menyokong permintaan seperti Kempen Pemilikan Rumah dan pengecualian duti setem. Persekitaran kadar faedah yang rendah turut menggalakkan pembelian untuk tujuan kediaman sendiri dan pelaburan. Seiring dengan itu, permintaan untuk pembiayaan turut meningkat selaras dengan aktiviti pasaran. Permohonan pinjaman perumahan meningkat merentas kebanyakan segmen harga, kecuali rumah berharga kurang daripada RM300,000 (Rajah 1.21). Sementara itu, nilai urus niaga purata mencatatkan pertumbuhan tahunan positif untuk suku tahunan kedua yang berturut-turut apabila aktiviti pasaran lebih tertumpu dalam segmen harga sederhana dan lebih tinggi. Hal ini berlaku terutamanya dalam pasaran sekunder dengan pembeli lebih berkemungkinan terdiri daripada golongan yang pendapatannya kurang terjejas oleh pandemik. Keadaan ini terus menyokong pertumbuhan harga rumah purata, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM), meskipun harga meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga tahun 2020.

Jumlah rumah tidak terjual kekal pada paras yang tinggi, dipacu oleh pangsapuri berperkhidmatan, unit pejabat kecil/pejabat rumah (*small office home office*, SOHO) dan rumah berharga lebih daripada RM500,000 di lokasi yang kurang popular. Keadaan

pasaran perumahan yang lebih lembap mendorong pemaju untuk membuat pelarasan penawaran ke arah segmen perumahan yang lebih mampu milik. Walaupun pelancaran projek perumahan keseluruhan menurun dengan ketara dalam semua segmen harga pada tiga suku pertama tahun 2020 (24,853 unit; S1-S3 2019: 60,955), penurunan ini lebih nyata bagi harta tanah yang berharga lebih daripada RM500,000. Akibatnya, bahagian harta tanah yang baru dilancarkan dalam segmen ini jatuh kepada 20.5% daripada pelancaran projek baharu keseluruhan (S1-S3 2019: 31.8%). Kejatuhan ini merupakan pelarasan yang dialu-alukan dan akan membantu mengurangkan ketidakpadanan permintaan-penawaran yang telah memburukkan lagi kemampuan untuk memiliki rumah dan meningkatkan risiko pembetulan harga pada masa lalu. Pelarasan ini juga tidak mendorong penurunan harga rumah secara meluas dalam pasaran sekunder, dengan harga urus niaga purata yang terus meningkat berikutan permintaan yang kukuh seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Dalam kalangan peminjam isi rumah, pelabur isi rumah<sup>26</sup> dalam pasaran harta tanah lebih berkemungkinan dipengaruhi oleh penurunan harga, memandangkan kecenderungan mereka untuk mungkir yang lebih tinggi sekiranya mereka berada pada kedudukan ekuiti negatif dan kehilangan pendapatan sewaan. Pelabur isi rumah mencakupi kira-kira satu perlima daripada pinjaman sistem perbankan keseluruhan, tetapi kebanyakannya terdiri daripada peminjam berpendapatan lebih tinggi (iaitu lebih RM5,000 sebulan) yang lazimnya mempunyai keupayaan membayar balik hutang yang lebih kukuh. Risiko kepada bank kekal terkawal, dengan nisbah terjejas semasa dan bahagian peminjam dalam ekuiti negatif bagi pelabur isi rumah masing-masing hanya pada 0.9% dan 1.3%. Nisbah purata pinjaman kepada nilai bagi pinjaman perumahan yang belum dijelaskan kekal di bawah 60%, sekali gus mengurangkan dengan ketara risiko lebih ramai peminjam yang akan berada pada kedudukan ekuiti negatif dan mengehadkan potensi kerugian kepada bank.

Segmen harta tanah bukan kediaman terus menghadapi cabaran yang besar. Kadar purata penghunian hotel meningkat daripada paras paling

<sup>26</sup> Pelabur isi rumah ditakrifkan sebagai peminjam individu yang mempunyai satu pinjaman harta tanah bukan kediaman atau lebih daripada satu pinjaman harta tanah (harta tanah kediaman dan bukan kediaman diambil kira dalam penilaian ini).

rendah sebanyak 11% pada tempoh pelaksanaan PKP, namun kekal lebih rendah daripada paras penghunian sebelum tercetusnya pandemik COVID-19 (Rajah 1.22), apabila larangan perjalanan merentas negeri dikenakan semula pada bulan Oktober 2020 bagi beberapa negeri. Prospek bagi industri perhotelan masih sangat bergantung pada tahap sekatan dan tempoh larangan merentas sempadan negeri dan antarabangsa. Larangan perjalanan antarabangsa akan mengambil masa sebelum dilonggarkan meskipun program pemvaksinan sedang dilaksanakan di seluruh dunia. Keadaan pasaran bagi hotel berkemungkinan terus lemah sepanjang tahun 2021, dengan persaingan yang sengit untuk mendapatkan kumpulan pengembara yang lebih kecil, kos operasi yang lebih tinggi akibat prosedur operasi standard yang dikenakan dan pemulihan permintaan pelancongan yang lembap.

Prestasi kompleks beli belah adalah lebih baik sedikit, dengan penambahan kecil bilangan pengunjung, terutamanya menjelang akhir tahun 2020. Walau bagaimanapun, peralihan yang diperhatikan dalam tingkah laku pengguna ke arah pembelian atas talian mungkin akan berterusan dan seterusnya menjejaskan sebahagian permintaan untuk ruang runcit dalam keadaan lebihan bekalan yang sedia ada. Beberapa perniagaan juga telah mula mengecilkan ruang pejabat dan menyewakan sebahagian daripada ruang yang tidak digunakan berikutan pengaturan bekerja dari rumah yang berterusan secara meluas. Kadar kekosongan dan kadar sewa pasaran dalam segmen ini telah menjadi semakin buruk (Rajah 1.22 dan Rajah 1.23), dengan sesetengah pemilik menurunkan sewa mereka sehingga 15%.<sup>27</sup> Pelarasan terhadap bekalan baharu ruang pejabat dan runcit turut diperhatikan apabila beberapa pemaju menangguhkan tarikh penyiapan projek mereka. Setakat ini, penangguhan projek hanya memberikan kesan yang terhad pada bekalan ruang pejabat dan runcit keseluruhan kerana projek tertangguh ini hanya mencakupi bahagian yang secara relatif

kecil (masing-masing 12.5% and 9%) daripada bekalan baharu. Bekalan baharu ruang pejabat dan runcit yang dirancang di Lembah Klang, sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga tahun yang akan datang kekal tinggi, iaitu masing-masing bersamaan dengan 23% dan 58% daripada bekalan sedia ada. Dalam keadaan lebihan bekalan yang sedia ada dan keadaan perniagaan yang mencabar, kadar sewa serta penghunian ruang pejabat dan runcit dijangka terus lembap pada masa akan datang. Secara kolektif, risiko potensi kerugian kepada institusi kewangan didapati telah meningkat akibat kesan daripada COVID-19. Risiko ini disebabkan oleh prospek keupayaan untuk membayar balik hutang dan penilaian yang lebih lemah berikutan keadaan lembap dalam pasaran harta tanah bukan kediaman.

---

Dedahan institusi perbankan kepada segmen harta tanah yang lebih mudah terjejas telah menurun, namun risiko masih wujud, memerlukan penelitian yang lebih rapi


---

Meskipun sektor harta tanah kekal sebagai penyumbang besar (52%) kepada jumlah pinjaman bank, dedahan kepada segmen harta tanah yang lebih mudah terjejas kekal rendah dan semakin menurun pada separuh kedua tahun 2020 (Rajah 1.24). Sebahagian besar daripada dedahan ini juga masih terus berbayar. Walau bagaimanapun, terdapat kemerosotan dalam bayaran balik pinjaman pembinaan harta tanah dan pinjaman untuk membeli harta tanah bukan kediaman yang diperhatikan pada separuh kedua tahun 2020 (Rajah 1.25). Institusi perbankan telah menyediakan peruntukan yang mencukupi terhadap potensi kerugian kredit dalam segmen tersebut (sila rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan' untuk maklumat lanjut).


---

<sup>27</sup> Sumber: Jones Lang Wootton.


Rajah 1.20: Pasaran Harta Tanah – Transaksi Perumahan




Rajah 1.21: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Harga




Rajah 1.22: Pasaran Harta Tanah – Kadar Penghunian Hotel dan Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Ruang Niaga




Rajah 1.23: Pasaran Harta Tanah – Sewa untuk Ruang Pejabat Utama dan Ruang Niaga Utama di Kuala Lumpur



Rajah 1.24: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Sistem Perbankan kepada Segmen Pasaran Harta Tanah yang Lebih Mudah Terjejas



Rajah 1.25: Pasaran Harta Tanah – Nisbah Pinjaman Terjejas Mengikut Segmen



Nota: 1. Sewa purata kedai-kedai paling terkemuka di kompleks beli-belah utama  
 2. Pembiayaan pembinaan harta kediaman dan bukan kediaman, dan pinjaman modal kerja oleh syarikat dalam sektor harta tanah

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jones Lang Wootton, Knight Frank, Persatuan Hotel Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Centre, NAPIC) dan Savills Malaysia

## RISIKO OPERASI

### Operasi institusi kewangan kekal berdaya tahan meskipun menghadapi cabaran


Pandemik COVID-19 terus menguji daya tahan operasi dan rangka kerja kesinambungan perniagaan institusi kewangan. Peningkatan semula risiko jangkitan dan pengaturan kerja secara jarak jauh bagi suatu tempoh yang lebih panjang kini diambil kira dalam senario dasar pada masa terdekat. Penyesuaian yang dibuat pada pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*, BCP) sejak PKP yang pertama pada bulan Mac 2020 telah membolehkan institusi kewangan terus berdaya tahan tanpa sebarang gangguan operasi, teknologi maklumat (*information technology*, IT) dan siber yang ketara. Penyesuaian ini telah dapat memastikan perkhidmatan kewangan yang penting terus tersedia kepada orang ramai.

Namun demikian, institusi kewangan terus mengkaji semula dan mengemaskini BCP dan pelan pemulihan bencana (*disaster recovery plan*, DRP)

mereka. Usaha ini dilakukan untuk memberikan lebih keyakinan tentang keupayaan mereka dalam mengekalkan operasi penting. Hal ini juga akan meningkatkan kepantasan operasi perniagaan membuat penyesuaian terhadap keadaan yang berubah-ubah sekiranya sekatan pergerakan sepenuhnya dilanjutkan di premis penting, ketiadaan secara tiba-tiba penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang utama dan berlaku kegagalan besar dalam infrastruktur IT yang menyokong pengaturan kerja secara jarak jauh (Gambar Rajah 1.3). BCP dan DRP yang telah ditambah baik ini akan memperkukuh keupayaan institusi kewangan untuk membuat jangkaan, persiapan dan penyesuaian terhadap kejutan pada masa hadapan.

Walaupun pandemik ini berlaku serentak dengan kitaran pembaharuan teknologi bagi platform operasi penting yang digunakan dalam industri perbankan, institusi kewangan secara umumnya masih dapat melaksanakan rancangan yang telah dipersetujui bagi projek-projek IT yang kritikal. Meskipun penangguhan sementara tidak dapat dielakkan dalam sesetengah kes akibat sekatan pergerakan yang berlanjutan, penyesuaian terhadap garis masa pelaksanaan adalah tidak ketara. Industri perbankan terus komited untuk menyiapkan projek-projek pembaharuan teknologi ini tepat pada masanya, memandangkan kepentingan

**Gambar Rajah 1.3: Penambahbaikan Pelan Kesinambungan Perniagaan dan Pelan Pemulihan Bencana dalam Kalangan Institusi Kewangan**



Sumber: Bank Negara Malaysia

mematuhi sepenuhnya dasar pengurusan kitaran hayat IT. Pematuhan ini penting bagi sistem berisiko tinggi yang hampir tamat hayatnya untuk mengurangkan risiko operasi. Susulan penggunaan perbankan mudah alih dan internet yang lebih meluas sejak PKP, institusi perbankan juga sedang mengkaji semula rancangan untuk mempercepat perpindahan kepada kaedah penentusahan alternatif bagi transaksi perbankan internet. Langkah ini bertujuan mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku terhadap transaksi dalam talian dengan menyediakan penyelesaian sokongan kepada kata laluan sekali (*one-time password*, OTP) untuk membenarkan penggunaan kaedah alternatif penentusahan berbilang faktor dengan selamat.

### Sistem pembayaran dan penyelesaian terus beroperasi dengan gangguan yang minimum

Jumlah kerugian risiko operasi dalam kalangan institusi kewangan pada separuh kedua tahun 2020 kekal stabil dan tidak ketara, sama dengan tahun-tahun terdahulu. Kerugian daripada peristiwa risiko operasi yang terjadi bagi institusi perbankan (termasuk institusi kewangan pembangunan) serta pengendali insurans dan takaful masing-masing adalah sebanyak 0.5% dan 0.04% daripada jumlah keuntungan sebelum cukai. Bank dan institusi kewangan terus berwaspada terhadap risiko yang semakin meningkat, terutamanya berikutan pengaturan kerja secara jarak jauh yang dilanjutkan. Pengaturan ini menghendaki institusi kewangan menyediakan kemudahan untuk kakitangan mengakses maklumat dan sistem penting dari jarak jauh, sama ada atas dasar urusan perniagaan yang biasa atau situasi luar biasa bagi menyokong kesinambungan perniagaan.

Sistem pembayaran Malaysia terus beroperasi dengan lancar tanpa gangguan yang ketara, dengan sistem pembayaran bernilai besar, iaitu Sistem Pemindahan

Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS),<sup>28</sup> dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems*, RPS) mengekalkan tahap ketersediaan sistem yang tinggi melebihi 99.9%. Transaksi pembayaran dalam talian terus meningkat, didorong oleh aktiviti e-dagang tatkala pengguna menyesuaikan diri dengan sekatan pergerakan, dengan sejumlah 1.1 bilion transaksi yang bernilai RM1.3 trilion (ST1 2020: 0.8 bilion transaksi bernilai RM1 trilion) dijalankan dalam RPS pada separuh kedua tahun 2020. Bagi RPS, bilangan insiden gangguan terpicil yang dilaporkan telah meningkat sedikit pada separuh kedua tahun 2020, berbanding dengan separuh pertama tahun 2020. Walau bagaimanapun, hal ini telah dapat diselesaikan dengan pantas dan tidak menyebabkan gangguan yang ketara, dengan pelan kontingensi dan pemulihan beroperasi seperti yang dijangka. Penyempurnaan usaha pembaharuan teknologi untuk RENTAS sejak suku pertama tahun 2020 telah mengurangkan lagi risiko kemungkinan berlakunya gangguan. Hasilnya, bilangan insiden yang menyebabkan gangguan terpicil terhadap RENTAS telah berkurang sebanyak 32% pada separuh kedua tahun 2020, berbanding dengan separuh pertama tahun 2020.

Pengendali RENTAS dan RPS telah mengekalkan pembahagian operasi meskipun sekatan pergerakan ditarik balik selepas PKP pertama yang dikuatkuasakan pada separuh pertama tahun 2020. Pengendali-pengendali ini juga terus menambah baik BCP mereka dengan mengambil kira keupayaan dan keselamatan akses dari jarak jauh untuk membolehkan lebih banyak kakitangan bekerja dari rumah. Kakitangan juga dikenal pasti dan dilatih untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja simpanan yang bersedia mengambil alih operasi yang kritikal, jika perlu. Pengendali-pengendali sistem pembayaran ini juga terus menjalankan latihan kesinambungan perniagaan yang telah dirancang mengikut 'kebiasaan baharu' bagi menguji langkah-langkah tindak balas dan pemulihan untuk mengurangkan gangguan perkhidmatan.

<sup>28</sup> RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

# Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Keuangan

33	Sektor Perbankan
45	Sektor Insurans dan Takaful
49	Menilai Daya Tahan Institusi Keuangan




# Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

## SEKTOR PERBANKAN

**Keadaan mudah tunai sistem perbankan terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan berikutan pertumbuhan deposit yang berterusan dan peningkatan bayaran balik pinjaman**

Bank-bank terus mencatatkan kedudukan mudah tunai yang kukuh sepanjang separuh kedua tahun 2020, dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan pada 148.2% (Rajah 2.1). Keadaan ini disokong oleh penyambungan semula bayaran balik pinjaman oleh kebanyakan peminjam isi rumah

**Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai**



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan PKS sejak bulan Oktober susulan berakhirnya moratorium pinjaman secara automatik, dengan bayaran balik pinjaman secara keseluruhannya hampir kembali ke paras sebelum moratorium secara automatik.


Penempatan deposit oleh institusi perbankan dengan Bank turut meningkat dengan ketara (+RM14.7 bilion) apabila beberapa bank meningkatkan penampunan tunai berikutan jangkaan pengeluaran oleh Kerajaan dan/atau institusi kewangan bukan bank (IKBB) untuk menyokong pelbagai langkah bantuan. Operasi bank terus disokong oleh sumber pendanaan yang stabil dengan agregat Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR)<sup>1</sup> pada 116%. Pertumbuhan deposit sistem perbankan kekal kukuh, melebihi kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (*compounded annual growth rate, CAGR*) 5 tahun pada 4%, berikutan pemegangan penampunan tunai yang berterusan oleh isi rumah dan perniagaan sebagai langkah berjaga-jaga dalam persekitaran operasi yang mencabar (Rajah 2.2). Deposit daripada IKBB juga terus meningkat, terutamanya pada suku ketiga apabila beberapa institusi ini mengimbangi semula portfolio mereka berikutan perkembangan pasaran dan bagi menyokong pelaksanaan langkah-langkah bantuan.

Beberapa bank telah menggunakan fleksibiliti pengawalseliaan yang diberikan oleh Bank sebelum ini, yang membolehkan mereka menggunakan penampunan mudah tunai dan seterusnya menurunkan had dalaman LCR dan/atau NSFR mereka. Langkah ini telah membantu menyokong perolehan dan pada masa yang sama membolehkan bank-bank ini meneruskan pemberian pinjaman kepada ekonomi dan menyokong bantuan bayaran balik pinjaman untuk peminjam yang menghadapi kesukaran

<sup>1</sup> Profil pendanaan institusi perbankan dinilai menggunakan NSFR yang menggantikan nisbah pinjaman kepada dana (*loan-to-fund, LTF*) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity, LTFE*) yang sebelum ini dibangunkan sebagai penunjuk pendanaan interim sebelum pelaksanaan NSFR. Nisbah LTF dan LTFE masing-masing berada pada 82.5% dan 72% pada bulan Disember 2020 (Jun 2020: 82% dan 71.5%).



Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima




Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan sementara. Institusi perbankan yang telah mengurangkan penampunan mudah tunai yang tersedia dijangka dapat membina semula penampunan ini dengan agak mudah. Semua bank juga berada dalam kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan minimum NSFR sebanyak 100% menjelang 30 September 2021.

Kebergantungan institusi perbankan terhadap pendanaan luar negeri kekal terhad (Rajah 2.3). Pada separuh kedua tahun 2020, hutang luar negeri sistem perbankan keseluruhan menurun sebanyak RM48 bilion. Hal ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman dalam kumpulan yang matang oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC). Pada masa yang sama, permintaan terhadap pembiayaan mata wang asing (*foreign currency, FCY*) yang rendah di dalam negeri telah mengurangkan keperluan bank terhadap peminjaman FCY luar negeri. Penurunan hutang luar negeri pada suku ketiga diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan penampunan sebagai langkah berjaga-jaga yang dikumpulkan oleh kumpulan-kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups, DBGs*) pada suku keempat. Hal ini berikutan jangkaan bahawa keadaan mudah tunai USD domestik mungkin menjadi ketat menjelang akhir tahun, terutamanya sebagai langkah

Rajah 2.3: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: 1. Sistem perbankan atau bank dalam pesisir merujuk hanya DBG dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks, LIFB*)  
 2. Hutang luar negeri bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di LIBFC


Sumber: Bank Negara Malaysia

ketidakpastian menjelang pilihan raya Presiden Amerika Syarikat (AS) pada bulan November. Kesan penilaian berikutan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau terpilih dalam tempoh tersebut telah mengurangkan lagi jumlah hutang luar negeri.


## Risiko pendanaan dan mata wang daripada dedahan hutang luar negeri institusi perbankan kekal terurus

Risiko daripada dedahan hutang luar negeri kekal rendah. Sebahagian besar (hampir 60%) hutang luar negeri terdiri daripada penempatan dalam kumpulan dan sekuriti hutang jangka panjang yang lazimnya lebih stabil, lantas mengurangkan risiko pengeluaran atau pelanjutan (*rollover risk*) (Rajah 2.4). Sebanyak 18% daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit yang tidak terpengaruh oleh perubahan penilaian akibat turun naik dalam kadar pertukaran. Risiko yang berkaitan dengan mata wang bersilang yang tidak sepadan terus terkawal, dengan kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (*foreign exchange net open position, FX NOP*) kekal pada paras yang dicatatkan

**Rajah 2.4: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Jenis Dedahan dan Instrumen**



**Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD**




dalam tempoh kebelakangan ini (Disember 2020: 5.3%; Jun 2020: 4.9%; purata 5 tahun: 5.7%) (Rajah 2.5). Institusi perbankan terus mengekalkan pemegang aset mudah tunai FCY yang cukup untuk menampung hampir tiga kali hutang luar negeri FCY berisiko (Rajah 2.6).<sup>2</sup>


Secara keseluruhan, kos pendanaan bank terus berada pada trend yang menurun ekoran kesan pindahan yang

<sup>2</sup> Hutang luar negeri berisiko bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan yang dianggap lebih mudah terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba.

**Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY**



**Rajah 2.7: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) dan Kadar Dasar Semalaman (OPR)**



ketara daripada pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebelum ini dan keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi (Rajah 2.7). Walaupun keadaan pendanaan dijangka kekal menggalakkan secara keseluruhannya dalam jangka masa terdekat, perubahan yang buruk dalam sentimen pasaran global boleh menyebabkan aliran keluar modal dan mendorong kos pendanaan yang lebih tinggi. Pengeluaran yang besar oleh Kerajaan dan/atau IKBB bagi menyokong pelaksanaan langkah-langkah bantuan selanjutnya serta pengeluaran deposit yang besar oleh individu dan perniagaan yang menghadapi

tekanan susulan pelaksanaan PKP 2.0 juga boleh memberikan tekanan kepada kedudukan mudah tunai sesetengah bank.

Walaupun berdepan dengan cabaran ini, institusi perbankan dijangka kekal berdaya tahan disebabkan oleh penampungan mudah tunai yang besar dan amalan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap, serta kemajuan yang berterusan dalam mengumpulkan

sumber pendanaan jangka panjang yang stabil. Pelanjutan fleksibiliti bagi institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) bagi memenuhi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) hingga 31 Disember 2022 akan turut meningkatkan mudah tunai dalam sistem perbankan bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.


## Perkembangan Pembaharuan Kadar Penanda Aras di Malaysia

### Peralihan daripada LIBOR: Pengubahsuaian Tanda Penunjuk Peralihan Malaysia

Terdapat banyak kemajuan sejak penerbitan pertama tanda penunjuk peralihan Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate, LIBOR) Bank<sup>3</sup> pada tahun 2020.<sup>4</sup> Bank-bank di Malaysia telah berinteraksi secara proaktif dengan peminjam untuk merundingkan semula penggantian penanda aras dan membangunkan peruntukan sandaran dalam kontrak pinjaman berdasarkan LIBOR sedia ada dalam usaha untuk menguruskan kontrak legasi (*legacy contract*)<sup>5</sup> yang sukar dan mengurangkan risiko undang-undang yang timbul. Bank-bank juga berusaha menambah baik sistem yang diperlukan untuk memastikan kesediaan operasi mereka bagi menyokong produk yang mengambil kira kadar bebas risiko (*risk-free rate*, RFR) alternatif. Usaha ini telah terganggu oleh pandemik COVID-19 di beberapa buah bank, tetapi dijangka dipercepatkan semula pada tahun 2021. Bank-bank di Malaysia yang mempunyai dedahan derivatif yang ketara juga telah mematuhi Protokol Sandaran Kadar Tawaran Antara Bank 2020 ((2020 Interbank Offered Rate, IBOR) Fallbacks Protocol) Persatuan Swap dan Derivatif Antarabangsa (International Swaps and Derivatives Association, ISDA). Pematuhan ini membolehkan peserta pasaran mengubah syarat kontrak derivatif mereka. Dedahan LIBOR industri perbankan Malaysia<sup>6</sup> berjumlah RM963 bilion pada 31 Disember 2020 (Gambar Rajah 2.1).

Produk tunai memberikan cabaran berbeza dalam peralihan kepada RFR disebabkan oleh ketiadaan struktur tempoh berpandangan ke hadapan. Walaupun peminjam lebih mengutamakan kepastian dalam aliran tunai bulanan mereka yang akan datang, kadar sebenar di bawah tunggakan terkompoun dalam tempoh terkumpul

**Gambar Rajah 2.1: Dedahan LIBOR Bank-bank Malaysia pada 31 Disember 2020**



\* Merujuk kepada jumlah nosional

\*\* Terutamanya pemberian pinjaman/peminjaman antara bank dan deposit pelanggan

Nota: Pada peringkat kumpulan perbankan yang disatukan

Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>3</sup> Sebagai sebahagian daripada pembaharuan global kadar faedah penanda aras, LIBOR akan dihentikan dan digantikan dengan kadar bebas risiko (*risk-free rate*, RFR) alternatif.

<sup>4</sup> Rujuk Rencana Maklumat 'Pembaharuan Kadar Penanda Aras: Peralihan daripada LIBOR' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua 2019 untuk maklumat lebih lanjut.

<sup>5</sup> Kontrak sedia ada yang menggunakan kadar rujukan LIBOR yang tidak dapat ditukar menjadi kadar rujukan bukan LIBOR atau dipinda untuk mengambil kira peruntukan sandaran apabila LIBOR dihentikan.

<sup>6</sup> Merujuk jumlah terkumpul kunci kira-kira dan jumlah nosional derivatif pada peringkat kumpulan perbankan yang disatukan.


RFR hanya diketahui pada akhir tempoh faedah. Oleh itu, terdapat ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran produk yang merujuk RFR tanpa struktur tempoh berpandangan ke hadapan. Bagi menangani permintaan yang tertinggal, Jawatankuasa Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate Committee, ARRC)<sup>7</sup> di AS berusaha mengenal pasti bakal pentadbir bagi menerbitkan Kadar Pembiayaan Semalaman Bercagar Dolar AS (Secured Overnight Financing Rate, SOFR) dengan tempoh berpandangan ke hadapan menjelang akhir tahun 2021. Kejayaan usaha ini bergantung pada keadaan mudah tunai pasaran derivatif SOFR, di mana kadar hadapan diperolehi.

Baru-baru ini, Pentadbiran Penanda Aras Antarabangsa ICE (ICE Benchmark Administrator, IBA), pentadbir global LIBOR, mengumumkan kelewatan pemberhentian penerbitan LIBOR USD untuk tempoh semalaman, 1, 3, 6, dan 12 bulan selama 18 bulan hingga 30 Jun 2023. Penerbitan semua tempoh LIBOR USD yang lain dan mata wang LIBOR yang lain akan berhenti pada 31 Disember 2021 seperti yang dirancang.

Sejajar dengan perkembangan ini, Bank sedang mengubah suai tanda penunjuk utama untuk memudahkan rundingan semula dan memberikan masa yang mencukupi agar permintaan produk tunai berasaskan SOFR dapat berkembang, kerana tempoh berpandangan ke hadapan SOFR dijangka diterbitkan sebelum akhir tahun 2021. Dua tanda penunjuk akan beralih daripada sasaran asal, iaitu suku kedua tahun 2021 ke suku keempat tahun 2021. Pertama, penghentian produk baharu yang merujuk LIBOR USD semalaman, 1, 3, 6, dan 12 bulan, dan kedua, penggabungan peruntukan sandaran dalam kontrak pinjaman yang merujuk LIBOR USD sedia ada yang akan mencapai tempoh matang selepas bulan Jun 2023 (Gambar Rajah 2.2).

**Gambar Rajah 2.2: Tanda Penunjuk Peralihan LIBOR**

#### Penunjuk peralihan LIBOR



Akhir Disember 2021: LIBOR GBP, EUR, JPY CHF, USD 1 minggu dan 2 bulan dimansuhkan

Akhir Jun 2023: LIBOR USD Semalaman, 1, 3, 6 dan 12 bulan dimansuhkan

Nota: Tanda penunjuk boleh dinilai semula jika terdapat sebarang perubahan dalam garis masa peralihan global

Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>7</sup> ARRC terdiri daripada sekumpulan peserta pasaran swasta, yang dipanggil oleh Lembaga Rizab Persekutuan (Federal Reserve Board) dan Bank Rizab Persekutuan New York (New York Fed), untuk membantu memastikan kejayaan peralihan daripada LIBOR USD kepada SOFR.

## Pembangunan Kadar Rujukan Alternatif dan Penambahbaikan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur

Bagi kadar penanda aras domestik, sejajar dengan usaha pembaharuan penanda aras global yang disarankan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB), Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Market Committee, FMC) akan memantau usaha dalam mengembangkan Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate, ARR), yang mematuhi Prinsip untuk Penanda Aras Kewangan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (International Organization of Securities Commission, IOSCO). Bagi memberikan masa yang mencukupi kepada para peserta pasaran untuk bersiap sedia, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) akan terus berfungsi selari dengan ARR yang baru.

Pada separuh pertama tahun 2021, FMC akan mengadakan konsultasi awam untuk mengumpul maklum balas tentang cadangan ARR dan metodologinya. Konsultasi ini bertujuan memastikan pembangunan ARR akan mengambil kira pandangan daripada pihak berkepentingan utama, termasuk pihak penjual dan pembeli (misalnya bank dan pelanggan institusi), dan akan berfungsi sebagai kadar rujukan efektif bagi semua produk termasuk derivatif, pinjaman dan sekuriti. Apabila dimuktamadkan kelak, Bank bercadang untuk memulakan penerbitan ARR pada separuh kedua tahun 2021, yang akan membolehkan peserta pasaran mula mereka bentuk dan menetapkan harga produk kewangan berdasarkan ARR.

Di samping pelaksanaan ini, Bank juga berhasrat memperkenalkan penambahbaikan tambahan terhadap rangka kerja KLIBOR yang sedia ada, termasuk merangkumkan sandaran, bagi mempertingkatkan integriti dan kebolehpercayaannya sebagai penanda aras kewangan.

## Prospek risiko kredit yang lebih lemah dan pemulihan ekonomi yang tidak menentu meningkatkan kos kredit dan menjejaskan pendapatan

Impak pandemik terhadap paras pinjaman terjejas bank sebahagian besarnya kekal terkawal pada separuh kedua tahun 2020 disebabkan oleh program bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank bagi membantu peminjam isi rumah dan perniagaan mengurus kekangan aliran tunai sementara. Susulan tamatnya moratorium pinjaman secara automatik, nisbah pinjaman terjejas kasar sistem perbankan meningkat sedikit kepada 1.6% (Jun 2020: 1.4%; purata 2019: 1.5%) (Rajah 2.8), didorong terutamanya oleh peningkatan yang sedikit dalam pinjaman terjejas isi rumah. Walau bagaimanapun, dengan ketidakpastian berhubung dengan pandemik yang sedang berterusan dan pemulihan ekonomi yang tidak sekata, prospek risiko kredit kekal mencabar. Bahagian pinjaman secara keseluruhan yang diklasifikasikan sebagai Tahap 2<sup>8</sup> di bawah

MFRS 9 meningkat kepada sebanyak 10% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2020: 8.4%), memandangkan jangkaan peningkatan pinjaman terjejas isi rumah dan prestasi kewangan sesetengah perniagaan yang semakin terjejas. Berikutan itu, bank-bank terus menyediakan peruntukan dengan jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, peruntukan meningkat sebanyak 40.6% (Jun 2020: +9%) (Rajah 2.9). Peruntukan keseluruhan lebih tinggi yang disediakan oleh bank-bank pada separuh kedua tahun 2020 (+RM6.1 bilion hingga RM30.9 bilion pada akhir Disember 2020) mencerminkan pelarasan terhadap parameter model peruntukan bank untuk mengambil kira risiko yang berupaya menjejaskan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Di samping itu, kira-kira 40% daripada peruntukan tambahan bagi tahun 2020 adalah mengambil kira pertimbangan pengurusan (*management overlay*) bank yang menjangkakan kerugian yang jauh melebihi peruntukan model jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL). Hal ini mencerminkan cabaran berterusan yang dihadapi oleh bank-bank dalam mengambil kira maklumat berpandangan ke hadapan dalam pengukuran ECL memandangkan ketidakpastian dalam landasan pemulihan ekonomi serta gambaran yang kurang jelas tentang kemampuan bayaran balik peminjam di bawah moratorium pinjaman.

<sup>8</sup> Pinjaman Tahap 2 merujuk pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup.

Kos kredit<sup>9</sup> secara keseluruhan kekal pada paras yang tinggi dan terus meningkat kepada 78 mata asas bagi sepanjang tahun 2020 (Jun 2020: 57 mata asas; purata 5 tahun: 15 mata asas) (Rajah 2.10). Sehubungan dengan itu, untung sebelum cukai bank mengalami kejatuhan terbesar sejak Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) (2020: -24.8%; S2 2020: -31%), walaupun terdapat peningkatan pada sumber keuntungan yang lain (Rajah 2.11). Pendapatan faedah bersih pulih, disokong oleh penstabilan margin faedah disebabkan oleh penentuan semula harga deposit daripada pengurangan OPR sebelum ini (Rajah 2.12). Di samping itu, pendapatan perdagangan dan pelaburan bank-bank telah dirangsang oleh penjualan sekuriti hutang dan perubahan nilai saksama berikutan penurunan kadar hasil. Pendapatan berasaskan fi juga meningkat, terutamanya daripada brokeraj ekuiti dan fi berkaitan kredit berikutan penyambungan semula kegiatan ekonomi dan penyertaan runcit yang lebih tinggi dalam pasaran ekuiti.

Sejajar dengan perolehan bank yang lebih lemah sepanjang tahun 2020, pulangan atas ekuiti dan aset sistem perbankan menurun masing-masing kepada 9.2% dan 1.1% (Jun 2020: 10% dan 1.2%) (Rajah 2.13). Walau bagaimanapun, penilaian pasaran bagi bank-bank tersenarai seperti yang diukur oleh median nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) dan harga kepada perolehan (*price-to-earnings*, P/E) meningkat menjelang akhir tahun 2020 dan memasuki tahun 2021. Peningkatan ini sebahagiannya diperkukuh oleh prospek sokongan perolehan daripada peruntukan awalan yang dilakukan oleh bank-bank pada tahun 2020 dan tekanan yang lebih rendah ke atas margin faedah bank pada masa hadapan. Meskipun demikian, prospek risiko kredit yang lebih berhati-hati akan terus menjejaskan keuntungan bank.

Walaupun tekanan terhadap perolehan menjadi rendah mungkin berterusan pada separuh pertama tahun 2021, impaknya dijangka tidak begitu ketara berbanding dengan impak yang dialami pada tahun 2020. Dari segi operasi, bank-bank lebih bersedia untuk memberikan bantuan kepada peminjam yang terjejas akibat PKP 2.0 yang memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman sementara. Bilangan peminjam terjejas yang memerlukan bantuan juga dijangka lebih rendah dengan kebanyakan peminjam isi rumah dan PKS meneruskan bayaran balik pinjaman

mereka sejak suku keempat tahun 2020. Langkah-langkah bantuan tambahan yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah pakej Belanjawan 2021 dan rangsangan fiskal akan terus membantu menyokong keupayaan pembayaran balik hutang. Kos kredit dijangka mula kembali ke paras yang wajar pada separuh kedua tahun 2021 berikutan peruntukan awal bank pada tahun 2020.

## Keadaan kredit yang mencabar berikutan tekanan COVID-19 terus menjejaskan prestasi kewangan operasi luar negeri bank-bank

Prestasi kewangan operasi luar negeri DBG<sup>10</sup> kekal lemah sepanjang tahun lepas berikutan pandemik COVID-19 dan penguncupan kegiatan ekonomi merentas kebanyakan negara. Walau bagaimanapun, peningkatan prestasi operasi luar negeri DBG terpilih di Singapura (51% bahagian daripada jumlah aset operasi luar negeri) pada suku keempat tahun 2020 telah meningkatkan purata keseluruhan<sup>11</sup> pulangan atas ekuiti (*return on equity*, ROE) kepada -2.2% (ST1 2020: -4.2%). Operasi di Singapura mencatatkan kerugian yang lebih rendah (purata ROE sebanyak -5.1%; ST1 2020: -14.5%),<sup>12</sup> disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih rendah berbanding dengan separuh pertama tahun 2020, namun kekal di bawah tekanan berikutan perolehan yang lebih rendah daripada aktiviti berkaitan faedah. Sebaliknya, operasi di Indonesia dan Thailand terus mencatatkan keuntungan, walaupun pada ROE yang lebih rendah masing-masing sebanyak 8.7% dan 2.3% (ST1 2020: 11.9% dan 5.3%), disebabkan oleh peruntukan pinjaman terjejas yang lebih tinggi. Sementara itu, operasi di Hong Kong SAR terjejas akibat peruntukan yang lebih tinggi oleh beberapa DBG disebabkan dedahan kepada syarikat korporat besar yang terjejas akibat pandemik selain pendapatan perdagangan dan pelaburan yang lebih rendah. Secara kolektif, kualiti aset keseluruhan operasi luar negeri DBG bertambah baik sedikit dengan nisbah pinjaman terjejas kasar<sup>13</sup> pada 3.9% (Jun 2020: 4.2%), disokong

<sup>9</sup> Merujuk jejas nilai kerugian hutang tahunan setakat tahun ini dan peruntukan lain yang dikenakan pada penyata pendapatan bagi pinjaman terkumpul. Tidak termasuk pinjaman daripada operasi luar negeri DBG.


<sup>10</sup> Merujuk pejabat luar negeri DBG (cawangan dan subsidiari) yang beroperasi di luar Malaysia dan LIBFC. Secara kumulatif, DBG mempunyai operasi di 14 negara luar, dengan operasi utamanya di Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong SAR.

<sup>11</sup> Angka purata diberikan wajar berdasarkan saiz aset operasi setiap DBG di negara masing-masing.


<sup>12</sup> Peruntukan lebih tinggi yang dibuat pada separuh pertama tahun ini didorong terutamanya oleh dedahan yang besar kepada peminjam terjejas daripada sektor minyak dan gas.

<sup>13</sup> Nisbah diberikan wajar mengikut saiz aset operasi setiap DBG di negara masing-masing.


Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar




Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Peruntukan




Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan




Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai



Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Margin Faedah dan Kos Deposit Purata




Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Keberuntungan



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST2 2019 dan ST2 2020  
 2. Margin faedah merupakan perbezaan antara kadar faedah yang digunakan apabila bank memberikan pembiayaan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank untuk pendanaan, termasuk deposit


Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri**



Nota: Purata penunjuk kewangan utama diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih  
 Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama**



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan  
 Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh moratorium dan langkah-langkah bantuan hutang yang sedang dilaksanakan (Rajah 2.14).


Risiko yang ditimbulkan oleh operasi luar negeri DBG dinilai terhad disebabkan oleh dedahan kepada sektor yang terjejas secara langsung dan tidak langsung oleh pandemik adalah kecil secara relatif berbanding dengan jumlah pinjaman kasar DBG. Tambahan pula, pendanaan operasi luar negeri DBG, terutamanya daripada deposit mata wang tempatan (Rajah 2.15) kekal stabil. Walaupun tekanan pada kualiti aset kekal tinggi disebabkan oleh ketidakpastian prospek pertumbuhan serantau yang berterusan, subsidiari luar negeri utama

terus mengekalkan paras modal yang secara relatifnya tinggi. Paras yang tinggi ini menjadi penamparan yang kukuh terhadap potensi kerugian kredit tanpa perlu mendapatkan sokongan daripada syarikat induk. Berdasarkan ujian tekanan yang dilakukan oleh DBG terhadap operasi luar negeri, semua subsidiari asing yang utama terus mengekalkan modal yang mencukupi untuk menghadapi kejutan teruk yang dikaitkan dengan risiko kredit yang lebih tinggi berikutan pandemik, harga minyak yang semakin lemah dan pemulihan pertumbuhan global yang tertangguh. Selepas kejutan, nisbah jumlah modal bagi subsidiari ini terus jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum, iaitu antara 17% dan 27%.

### Permodalan sistem perbankan kekal teguh, lantas memperkukuh keupayaan bank-bank untuk menyerap potensi kejutan dan menyokong pemulihan ekonomi

Meskipun memperoleh keuntungan yang lebih rendah sepanjang tempoh ini, bank-bank terus mengekalkan tahap permodalan yang kukuh sepanjang separuh kedua tahun 2020 (Disember 2020: 18.5%; purata 2019: 17.9%) dengan lebih penamparan modal agregat<sup>14</sup> berjumlah RM126.7 bilion (Rajah 2.16). Bank-bank berusaha mengekalkan penamparan mereka sebagai persediaan menghadapi

**Rajah 2.16 : Sistem Perbankan – Nisbah Modal**



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penamparan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi  
 Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>14</sup> Merujuk modal yang dipegang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan yang termasuk penamparan pengekalan modal 2.5% dan keperluan khusus bank tertentu.



jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi pada tahun 2021 dengan mengurangkan dividen kepada pemegang saham, melaksanakan program pelaburan semula dividen, dan memperoleh ekuiti baharu. Sesetengah bank turut mengeluarkan instrumen modal Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2, bagi menggantikan instrumen modal Kumpulan 2 yang tidak lagi diambil kira sebagai


modal pengawalseliaan secara berperingkat di bawah pengaturan peralihan Basel III. Penampakan modal bank yang stabil telah dikekalkan, dengan nisbah aset berlawanan risiko kepada jumlah aset kembali ke paras sebelum COVID-19 (Disember 2020: 57.4%; Mac 2020: 56.5%; Disember 2019: 57.5%), menunjukkan keupayaan institusi perbankan untuk terus menyokong aliran kredit ke dalam ekonomi.

### Pengurusan Risiko Iklim oleh Institusi Kewangan

Institusi kewangan telah mencapai kemajuan dalam tindak balas terhadap risiko berkaitan iklim. Lebih banyak institusi kewangan telah mula merumuskan strategi jangka panjang mereka ke arah kelestarian. Hal ini termasuk mengimbangi semula portfolio mereka, berikutan implikasi potensi dedahan risiko iklim terhadap pemberian pinjaman teras, perniagaan insurans, perniagaan insurans dan pengambilan deposit, di samping aktiviti derivatif dan pelaburan (Rajah 2.17). Institusi kewangan juga semakin giat menggalakkan dan membantu pelanggan mereka untuk menerima pakai amalan yang lestari menerusi aktiviti pemberian pinjaman, khidmat nasihat dan/atau pelaburan.

Susulan daripada peningkatan interaksi penyeliaan dengan institusi kewangan sejak awal tahun 2020, perkembangan positif telah dilihat dalam usaha yang dilaksanakan oleh institusi kewangan untuk menerapkan

**Rajah 2.17: Dedahan Institusi Kewangan Malaysia dalam Sektor yang Berpotensi Terdedah kepada Perubahan Iklim (sebagai % daripada Jumlah Aset)**



Nota: 1. Pembinaan termasuk kerja kejuruteraan awam, pembinaan harta kediaman dan harta bukan kediaman; utiliti termasuk elektrik dan air; pengangkutan termasuk pengangkutan darat, air dan udara; pertanian utama termasuk terutamanya minyak sawit  
2. Angka-angka merujuk kepada dedahan sehingga akhir bulan Disember 2020. Dedahan berdasarkan keperluan pelaporan sedia ada dan akan diperincikan dengan pelaksanaan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.3: Perkembangan Penting yang Diperhatikan di Institusi Kewangan

Pengurusan risiko berkaitan iklim semakin mendapat perhatian tetapi pada kadar yang tidak sekata di seluruh industri

	Pemerhatian penting	Inisiatif utama
 <p><b>Tadbir urus &amp; strategi</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepimpinan yang lebih kukuh oleh Lembaga dan pengurusan kanan mengenai keperluan untuk mengintegrasikan pertimbangan berkaitan iklim dalam strategi perniagaan dan keputusan, dengan amalan pengurusan risiko</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan pasukan khas dan dinaungi oleh pengurusan kanan bagi inisiatif berkaitan iklim</li> <li>• Tumpuan khusus terhadap risiko iklim sebagai agenda tetap dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa pengurusan</li> </ul>
 <p><b>Dasar &amp; rangka kerja</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan integrasi pertimbangan berkaitan iklim dalam rangka kerja pengurusan risiko dan amalan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan rangka kerja risiko iklim dan dasar, dan kesanggupan mengambil risiko untuk kumpulan</li> <li>• Menjalankan penilaian risiko iklim terhadap beberapa segmen pelanggan, termasuklah dalam amalan pengunderaitan</li> <li>• Risiko iklim diterap dalam pengurusan risiko kumpulan. Membentuk rangka kerja pengurusan risiko peralihan bagi pemantauan dan pengurusan risiko kredit yang berkesan</li> </ul>
 <p><b>Pembinaan keupayaan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan lebih tumpuan terhadap peningkatan kesedaran dan keupayaan teknikal kakitangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membentuk pelan hala tuju latihan berstruktur untuk kakitangan</li> <li>• Mengupah pakar bidang untuk menyediakan sokongan teknikal dan mempercepat pembangunan ilmu pengetahuan</li> </ul>
 <p><b>Pembangunan produk &amp; penyelesaian</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan produk baharu seperti pinjaman berkaitan kelestarian, perlindungan insurans/takaful bagi risiko cuaca dan iklim, dan kadar keutamaan untuk pembelian produk dan penyelesaian hijau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar keutamaan bagi teknologi tenaga boleh diperbaharui</li> <li>• Melabur dalam teknologi alternatif dan projek infrastruktur berkaitan untuk menyokong pengurangan dan adaptasi risiko iklim</li> </ul>
 <p><b>Laporan &amp; penzahiran</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih banyak institusi kewangan komited dan mengambil langkah aktif untuk menerima pakai saranan TCFD dan penzahiran berkualiti yang lebih baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan inisiatif pengumpulan data</li> <li>• Membangunkan Pemodelan Bencana Banjir Malaysia bagi meningkatkan pemantauan dan pelaporan risiko</li> </ul>

Lebih banyak institusi kewangan telah menjadi penandatangan kepada Program Alam Sekitar Prinsip Inisiatif Kewangan bagi Perbankan Bertanggungjawab dan juga bagi Insurans Mampam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Sumber: Bank Negara Malaysia

pertimbangan risiko iklim dalam strategi dan operasi mereka. Hal ini turut merangkumi penyelarasan pengaturan tadbir urus, amalan pendaftaran pelanggan baru, penzahiran dan penyelesaian produk (Gambar Rajah 2.3).

Pada tahun 2021, Bank akan terus bekerjasama dengan industri untuk memberikan sokongan selanjutnya kepada pengurusan risiko iklim dan amalan penzahiran yang lebih kukuh. Satu keutamaan penting ialah pelaksanaan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT), di samping perumusan panduan mengikut sektor yang berterusan untuk sektor-sektor perkilangan, minyak dan gas, infrastruktur dan pembinaan. Usaha juga akan diteruskan bagi

menghasilkan sumber praktikal tambahan bagi membantu institusi kewangan menilai dan mengurus risiko berkaitan iklim dengan lebih cekap (Gambar Rajah 2.4). Apabila taksonomi dimuktamadkan, institusi kewangan akan mula merangkumkan dedahan berdasarkan CCPT bagi tujuan pengurusan risiko dalaman dan penyeliaan. Hal ini akan membantu dalam menyokong pengurusan risiko, analisa senario, ujian tekanan dan penzahiran. Inisiatif untuk menggalakkan penggunaan penzahiran berkaitan iklim yang lebih meluas oleh institusi kewangan selaras dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD), serta mengembangkan rangkaian produk, penyelesaian dan aktiviti kewangan yang menyokong aktiviti kelestarian. Inisiatif ini akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3). JC3 akan turut mewujudkan aliran kerja yang khusus bagi mengenal pasti dan merapatkan jurang data berkaitan iklim dan alam sekitar yang diperlukan oleh institusi kewangan bagi menyokong penilaian risiko. Selain itu, usaha akan diteruskan untuk memperluas program pembinaan keupayaan bagi peserta industri untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengurusan risiko iklim (sila rujuk Laporan Tahunan BNM 2020 untuk maklumat lanjut tentang peranan dan inisiatif Bank dalam menangani risiko kewangan berkaitan iklim).

**Gambar Rajah 2.4: Pencapaian Utama pada Tahun 2020 dan Keutamaan pada Tahun 2021**

Disokong oleh kolaborasi bersama industri dan rakan institusi melalui Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim dan Komuniti Pengamal Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk memastikan peralihan yang teratur

### Pencapaian Utama pada tahun 2020



Pelaksanaan rintis keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip



Menjalankan penilaian bagi amalan penzahiran oleh institusi kewangan dan jurang yang wujud dengan saranan TCFD



Meningkatkan kesedaran mengenai bidang berkaitan risiko iklim dalam kalangan orang awam dan industri melalui program kesedaran dan pendidikan



Perundingan awam Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) panduan sektor bagi tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan minyak sawit

### Keutamaan pada tahun 2021



Penyempurnaan dan pelaksanaan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip



Pengeluaran kertas perbincangan industri mengenai Panduan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisa Senario, dan Panduan Penggunaan TCFD



Penyempurnaan panduan sektor VBIAF mengenai tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan minyak sawit



Pengeluaran dokumen perbincangan mengenai panduan sektor VBIAF bagi sektor perkilangan, minyak & gas serta pembinaan & infrastruktur



Meningkatkan program pembinaan keupayaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

### Sektor insurans dan takaful mencatatkan keuntungan lebih tinggi, didorong oleh prestasi pelaburan ekuiti yang lebih kukuh

Dana insurans dan takaful mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019, didorong oleh prestasi pelaburan dana insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih kukuh. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan meningkat lebih dua kali ganda kepada RM16.8 bilion (S2 2019: RM7.7 bilion), disokong oleh keuntungan daripada pelaburan ekuiti dan bon (Rajah 2.18). Dalam sektor takaful hayat dan keluarga, prestasi pengunderaitan kekal walaupun pertumbuhan premium perniagaan baharu jauh lebih perlahan<sup>15</sup> (9.2%; S2 2019: 18.4%) (Rajah 2.19). Hal ini mencerminkan permintaan yang lebih rendah terhadap produk insurans dan takaful gadai janji dalam persekitaran pasaran harta tanah yang lebih lemah pada separuh kedua tahun 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019. Pengendali takaful mempunyai dedahan yang lebih tinggi kepada perniagaan Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (*Mortgage Reducing Term Takaful*, MRTT) lantas lebih terjejas berbanding dengan penanggung insurans konvensional. Pertumbuhan keseluruhan premium bersih kekal di bawah paras sebelum COVID-19 tetapi telah meningkat sejak separuh pertama tahun ini, didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam premium perniagaan berkaitan pelaburan yang baharu (23.6%; ST1 2020: -25%; ST2 2019: 10.9%). Penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) mendapati bahawa warga Malaysia semakin menyedari kepentingan produk insurans dan takaful dalam menyediakan perlindungan kewangan. Hal ini terus menyokong permintaan untuk insurans meskipun langkah-langkah pembendungan COVID-19 dimulakan semula pada separuh kedua tahun 2020 dan awal tahun 2021.

Berikutan peningkatan semula kes COVID-19 dan pelaksanaan semula PKP di kebanyakan negeri

pada awal tahun 2021, ITO telah melanjutkan<sup>16</sup> pilihan kepada para pelanggan yang terjejas<sup>17</sup> untuk menangguhkan bayaran premium polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga selama tiga bulan tanpa menjejaskan perlindungan. Pilihan ini kini tersedia untuk permohonan yang diterima sehingga 30 Jun 2021. Kesan langkah-langkah bantuan sementara kepada keuntungan ITO adalah terhad memandangkan jumlah kumulatif premium yang ditangguhkan dan pelepasan premium (*premium holiday*)<sup>18</sup> kekal minimum pada paras 7.7% daripada premium yang masih berkuat kuasa. Jumlah pembayaran manfaat polisi bersih juga sebahagian besarnya kekal stabil. Pada tahun 2021, jumlah pembayaran manfaat polisi bersih mungkin meningkat disebabkan oleh kos tambahan berkaitan dengan prosedur dan rawatan berhubung dengan COVID-19 yang merupakan sampingan kepada keadaan yang dilindungi. Walau bagaimanapun, kesan ini dijangka boleh terus diurus. Walaupun kematian akibat pandemik COVID-19 boleh dituntut di bawah semua polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga, kadar mortaliti yang rendah yang dilihat dalam kalangan pesakit COVID-19 di Malaysia (0.4%; global: 2.2%)<sup>19</sup> berkemungkinan mengehadkan kesan daripada apa-apa tuntutan kematian tambahan. Polisi insurans/sijil takaful perubatan dan kesihatan (*Medical and health insurance policies/takaful certificates*, MHIT) di Malaysia pada amnya memasukkan klausa pengecualian pandemik selaras dengan amalan di seluruh dunia. Pengecualian ini mencerminkan kerumitan penetapan harga bagi peristiwa seperti ini disebabkan oleh kesan dan kos yang tidak boleh dikira, ketiadaan instrumen bagi mempelbagaian risiko yang berdaya maju untuk ITO, dan untuk mengelakkan kenaikan premium yang ketara susulan daripada peristiwa sesuatu pandemik.

Sesetengah ITO telah membuat pelarasan kepada pelan penetapan semula harga mereka pada tahun 2020 untuk mengurangkan beban kewangan terhadap pemegang polisi dan mengekalkan perlindungan

<sup>16</sup> Pilihan penangguhan premium tiga bulan yang diumumkan pada bulan Mac 2020 dan berakhir pada 31 Disember 2020.

<sup>17</sup> Pengguna yang terjejas ialah individu yang dijangkiti, dikuarantin di rumah atau menanggung kehilangan pendapatan; dan PKS yang telah menanggung kehilangan pendapatan, akibat impak ekonomi daripada situasi COVID-19.

<sup>18</sup> Pelepasan premium merujuk perlindungan insurans/takaful yang berterusan walaupun tanpa pembayaran premium dan terpakai bagi produk yang mempunyai ciri pelepasan bayaran yang sudah wujud dalam polisi seperti produk berkaitan pelaburan. Fleksibiliti ini tersedia kepada pemegang polisi selagi nilai pelaburan dalam dana unit kekal mencukupi untuk memenuhi kos insurans yang diperlukan sepanjang tempoh pelepasan ini.

<sup>19</sup> Berdasarkan bilangan kes dan kematian kumulatif yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia setakat 23 Mac 2021.

<sup>15</sup> Merujuk premium dan caruman, melainkan dinyatakan sebaliknya.

MHIT mereka. Pelarasan ini termasuklah penangguhan pelan penetapan semula harga hingga tahun 2021, menyediakan bayaran balik untuk mengurangkan kesan peningkatan harga, dan membenarkan penangguhan premium yang dilanjutkan. ITO dijangka berupaya menyokong kesan kewangan daripada pelarasan ini dengan selesa tanpa menjejaskan daya tahan keseluruhan mereka dalam tempoh jangka pendek. Walau bagaimanapun, penangguhan dalam penetapan semula harga untuk tempoh yang berpanjangan akan memberikan kesan terhadap kemampuan kewangan penyedia MHIT dan juga pemegang polisi. Hal ini disebabkan dalam jangka panjang, tuntutan perubatan akan mencerminkan trend asas bagi inflasi perubatan. Tuntutan perubatan pada tahun 2021 dijangka meningkat berbanding dengan tahun 2020 hasil daripada penyambungan semula rawatan dan prosedur yang ditangguhkan sebelum ini oleh pemegang polisi akibat kebimbangan tentang COVID-19. Oleh itu, penangguhan lanjut pelan penetapan semula harga boleh mengakibatkan peningkatan premium yang lebih tinggi atau pengurangan keupayaan oleh industri untuk menyediakan perlindungan pada masa hadapan.

Dana insurans dan takaful am mencatatkan keuntungan operasi yang lebih tinggi, disokong oleh hasil pengunderaitan yang lebih baik apabila pembayaran tuntutan menurun (Rajah 2.20), sebahagian besarnya disebabkan tuntutan motor yang lebih rendah sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini. Sementara itu, pertumbuhan premium langsung kasar terus kekal (2.8%; ST2 2019: 2.8%) (Rajah 2.21). Premium motor meningkat pada kadar yang lebih pantas, disokong oleh jualan kereta yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2020 yang dirangsang oleh pengenalan insentif cukai jualan. Di bawah liberalisasi tarif motor dan kebakaran secara berperingkat, kadar premium terus diselaraskan sejajar dengan profil risiko dan pengalaman kerugian terkini pemegang polisi. Berdasarkan data tuntutan motor mutakhir ini, model tertentu yang cenderung dicuri dan segmen pemandu lebih muda terus mencatatkan pengalaman kerugian (*loss experience*) yang lebih tinggi daripada pengalaman kerugian purata secara konsisten, manakala kereta baharu pula cenderung mencatatkan kerugian di bawah pengalaman kerugian purata. Beberapa penyedia turut mengurangkan dengan ketara kadar perlindungan 'bencana khas' yang menyediakan perlindungan terhadap kerosakan kenderaan disebabkan peristiwa banjir. Pada tahun 2020,

premium untuk 56% daripada polisi komprehensif serta kebakaran dan kecurian pihak ketiga bagi kenderaan persendirian adalah lebih tinggi berbanding di bawah tarif, sementara 38% daripada kadar tarif itu adalah lebih rendah. Lebih 95% polisi mengalami pelarasan kadar premium yang berada dalam lingkungan 10% daripada kadar tarif terdahulu. Walaupun pelarasan ini mungkin tidak mencukupi untuk mencapai paras penetapan harga teknikal<sup>20</sup> untuk sesetengah risiko, usaha ini adalah selaras dengan fasa liberalisasi semasa. Pendekatan berperingkat ini bertujuan mengelakkan pelarasan secara mendadak yang mungkin akan berlaku, khususnya untuk risiko motor yang kerugiannya secara berterusan melebihi premium selama beberapa tahun di bawah tarif itu. ITO am juga terus memperkenalkan produk-produk baharu yang memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik dan membolehkan pemegang polisi menjimatkan kos premium. Produk ini termasuk polisi motor berasaskan penggunaan yang mencatatkan peningkatan pengambilan sebanyak dua kali ganda, di samping produk yang menyediakan fleksibiliti kepada pemegang polisi untuk memilih perlindungan yang mereka perlukan.

Sementara itu, premium kemalangan peribadi menguncup apabila permintaan untuk insurans perjalanan berkurang berikutan sekatan perjalanan akibat pandemik. Tuntutan daripada banjir di pantai timur dan beberapa negeri lain di Malaysia dari akhir tahun 2020 sehingga awal tahun 2021 hanya menyebabkan kesan yang terhad kepada keuntungan ITO am. Jumlah tuntutan kasar daripada banjir dianggarkan hanya mencakupi 3.2% daripada keuntungan operasi keseluruhan ITO am bagi tahun 2020.

Walaupun bagaimanapun, sektor insurans dan takaful mungkin menghadapi beberapa cabaran dalam tempoh terdekat. ITO terus terdedah kepada volatiliti pasaran kewangan yang lebih tinggi berikutan pelaburan bon dan ekuiti mereka yang agak besar. Persekitaran kadar faedah yang rendah juga terus memberikan cabaran, khususnya untuk pengurusan aset-liabiliti penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga. Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga secara

<sup>20</sup> Paras premium yang diperlukan untuk meliputi pengalaman tuntutan sebenar bagi kumpulan yang mempunyai risiko yang sama dan perbelanjaan yang berkaitan.


amnya beroperasi dalam jurang tempoh negatif disebabkan oleh kekurangan aset kewangan jangka panjang yang tersedia untuk dipadankan dengan tempoh liabiliti mereka (lebih 15 tahun). Oleh itu, tempoh kadar faedah yang menyusut secara berpanjangan boleh menjejaskan kedudukan kesolvenan mereka disebabkan oleh kenaikan nilai liabiliti yang lebih besar berbanding dengan aset.<sup>21</sup> Pemulihan yang lebih kukuh dalam pertumbuhan perniagaan baharu akan turut bergantung pada pelonggaran langkah-langkah pembendungan COVID-19 dan pemulihan ekonomi yang lebih mantap. Selain itu, beberapa ITO am telah menyatakan bahawa mereka mungkin menghadapi prospek peningkatan kos insurans semula semasa pembaharuan kontrak yang berikutnya, susulan kerugian berkaitan dengan pandemik dan bencana

alam yang ditanggung oleh penanggung insurans semula global.


Perkembangan ini boleh menjejaskan keuntungan jangka pendek, tetapi mungkin tidak memberikan kesan yang ketara kepada daya tahan keseluruhan. ITO kekal berdaya tahan, dengan kedudukan modal yang kukuh. Agregat nisbah kecukupan modal (*Capital Adequacy Ratio*, CAR) ialah 219.7%, jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, iaitu 130% (Rajah 2.22). Ujian tekanan yang dijalankan baru-baru ini turut mengesahkan bahawa para penanggung insurans dijangka mempunyai penampan modal yang mencukupi untuk menghadapi potensi kejutan (untuk maklumat lanjut sila rujuk bahagian tentang ujian tekanan bagi penanggung insurans).

<sup>21</sup> Kesannya mungkin meningkat berikutan sensitiviti aset dan liabiliti, yang ditakrifkan sebagai perubahan nilai aset dan liabiliti daripada perubahan kadar faedah sebanyak 1%, cenderung untuk meningkat lebih cepat dalam persekitaran kadar faedah rendah, sebahagiannya disebabkan oleh kesan kecekungan (*convexity*). Walau bagaimanapun, kesan sebenar kepada kunci kira-kira adalah berbeza bergantung pada bentuk keluk kadar hasil.


**Rajah 2.18: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan**




**Rajah 2.19: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk**




**Rajah 2.20: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi**



**Rajah 2.21: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk**



**Rajah 2.22: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal**



<sup>1</sup>Lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

## MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Ujian tekanan merupakan komponen penting dalam rangka kerja kestabilan kewangan Bank, yang digunakan untuk menilai dan mengurus risiko terhadap kestabilan kewangan. Bank lazimnya menjalankan ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*) selain ujian tekanan penyeliaan secara berkala. Ujian ini bertujuan untuk menilai potensi impak tekanan kewangan dan makroekonomi di bawah dua senario buruk hipotetikal terhadap daya tahan institusi kewangan individu dan sistem kewangan secara lebih meluas. Senario buruk tersebut direka untuk mengukur impak kejutan teruk yang tidak mustahil tetapi mempunyai kebarangkalian yang rendah untuk berlaku.

Dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Pertama tahun 2020, kejatuhan ekonomi sebenar yang teruk akibat pandemik COVID-19 mendorong Bank mengalihkan tumpuan ujian tekanannya yang mengambil pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*) dan berdasarkan senario kepada menilai kemampuan bank-bank untuk menghadapi tekanan yang mungkin berlaku berdasarkan andaian tentang landasan pemulihan pada ketika itu. Penilaian ini disokong oleh analisis sensitiviti tambahan yang dijalankan menerusi pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up*) untuk memberikan penilaian yang lebih terperinci mengenai daya tahan berdasarkan profil risiko tertentu setiap bank. Seperti yang dilaporkan, ujian tekanan<sup>22</sup> mengesahkan daya tahan bank-bank.

Prospek pemulihan ekonomi kini lebih jelas berbanding dahulu tetapi ketidakpastian yang besar masih wujud. Oleh itu, ujian tekanan kesolvenan makro dari atas ke bawah Bank yang terkini bertujuan untuk menguji selanjutnya daya tahan institusi kewangan sekiranya landasan pemulihan ekonomi ketara lebih lemah daripada yang dijangkakan. Dua senario buruk hipotetikal digunakan, dan tempoh ujian tekanan dilanjutkan sehingga akhir tahun 2022. Senario buruk pertama (SB1) mengandaikan kemerosotan ekonomi yang meruncing pada suku pertama tahun 2021 dengan

magnitud yang sama seperti kemerosotan yang dialami pada suku kedua tahun 2020, sebelum pulih secara beransur-ansur seakan-akan keluk berbentuk V. Di bawah senario ini, pemulihan awal, yang didorong oleh permintaan terpendam (*pent-up demand*), teragih secara tidak sekata merentas industri sebelum kembali ke paras wajar secara beransur-ansur merentas semua sektor pada tahun 2022. Secara serentak, kejayaan meluas usaha pemvaksinan di kebanyakan negara menyebabkan KDNK global kembali ke paras sebelum pandemik menjelang suku ketiga tahun 2021, lantas mengukuhkan lagi pemulihan ekonomi domestik. Senario buruk kedua (SB2) mengandaikan penguncupan ekonomi yang lebih mendadak pada suku pertama tahun 2021 yang mengatasi kemerosotan terendah dalam sejarah krisis setakat ini. Dalam SB2, pemulihan diandaikan lembap dan berbentuk L, dengan KDNK mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun 2021 dan kekal di bawah paras sebelum pandemik walaupun pada akhir tahun 2022. Senario ini mengandaikan vaksin yang tidak berkesan dan penguncupan marginal dalam pertumbuhan global pada tahun 2021, yang akan mempunyai kesan buruk terhadap eksport, pelaburan dan penggunaan di Malaysia. Berikutan langkah sekatan pergerakan yang dilanjutkan, permintaan dalam negeri mengalami kemerosotan yang berlarutan, dengan keadaan pasaran pekerja terus bertambah buruk sepanjang tahun 2021. Kedua-dua SB1 dan SB2 mengandaikan penurunan penarafan Malaysia pada tahun 2021. Senario ekonomi yang digunakan dalam ujian tekanan ini tidak menggambarkan jangkaan sebenar Bank terhadap trajektori ekonomi, tetapi sebaliknya telah dibangunkan dengan tujuan khusus bagi menguji kemampuan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan ekonomi yang lebih buruk dan berpanjangan meskipun prospek ekonomi dijangka terus pulih.

---

Institusi kewangan kekal berdaya tahan di bawah simulasi kejutan kredit, pendapatan dan pembiayaan yang teruk

---

<sup>22</sup> Rujuk 'Ciri Utama Simulasi Kesolvenan Makro yang Ditambah Baik untuk Bank-bank', 'Pengunjuran Pinjaman Terjejas Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata', dan 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Pertama 2020 untuk maklumat lanjut.

Ujian tekanan sistem perbankan terkini secara amnya mengikut metodologi yang ditambah baik yang telah dinyatakan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan




BNM bagi Separuh Pertama 2020, dengan beberapa penambahbaikan penting dalam andaian terpilih (Jadual 2.1). Yang jelas, ujian ini terus mengandaikan bahawa tiada lagi bantuan bayaran balik pinjaman kepada peminjam isi rumah selepas suku pertama tahun 2021. Sebarang penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling & restructuring, R&R*) pinjaman perniagaan diandaikan berakhir selepas suku kedua tahun 2021.

Di bawah dua senario buruk yang dihuraikan sebelum ini, institusi perbankan mungkin mengalami peningkatan pinjaman terjejas keseluruhan kepada 4.0% di bawah SB1 dan 5.4% di bawah SB2 pada akhir tahun 2022 (Rajah 2.23), dengan perniagaan mendorong bahagian pinjaman terjejas baharu yang lebih besar pada tahun 2021 dan isi rumah menyumbang bahagian yang lebih besar pada tahun 2022. Meskipun tahap tekanan ekonomi yang lebih tinggi diandaikan dalam ujian ini, pinjaman terjejas pada akhir tahun 2021 dijangka lebih rendah berbanding dengan keputusan dalam ujian sebelum ini (SB1: 2.9%, SB2: 3.3%, sebelum ini: 4.1%). Hal ini disebabkan terutamanya oleh andaian konservatif yang digunakan sebelum ini dalam menterjemahkan kejutan ekonomi kepada pinjaman terjejas perniagaan, dengan andaian bahawa semua bayaran balik pinjaman secara sekali gus (*bullet repayments*) yang akan matang dalam sektor perniagaan yang dikenal pasti mudah terjejas akan mungkir. Perkara ini telah dikemas kini

untuk mencerminkan pengalaman pembayaran balik pinjaman ini yang ketara lebih baik, dan pada masa yang sama mengekalkan tahap konservatif yang tinggi dalam semakan andaian yang digunakan di bawah SB2 (sila rujuk maklumat lanjut yang disediakan dalam Rencana Maklumat mengenai 'Andaian yang Disemak Semula bagi Pinjaman Perniagaan dengan Bayaran Balik Secara Sekali Gus yang akan Matang').

**Rajah 2.23: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 1 dan 2**



**Jadual 2.1: Ujian Tekanan Makro: Perubahan Utama dalam Andaian Ujian Tekanan Sistem Perbankan**

Aspek	Perubahan Utama dalam Andaian
<b>Model risiko kredit</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan bahagian pinjaman perniagaan dengan bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang menjadi pinjaman terjejas, mencerminkan pemerhatian sebenar hingga bulan Disember 2020<sup>1</sup></li> <li>Semakan takrif sektor perniagaan mudah terjejas<sup>2</sup></li> <li>Peningkatan sampel firma di bawah Model Defisit Aliran Tunai kepada 798 kumpulan peminjam korporat bukan kewangan<sup>3</sup></li> </ul>
<b>Pendapatan faedah bersih</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memasukkan kesan daripada kos pendanaan pembiayaan lebih tinggi susulan penurunan penarafan</li> </ul>
<b>Bantuan bayaran balik pinjaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan bahagian pinjaman perniagaan di bawah bantuan bayaran balik pinjaman untuk mencerminkan situasi sebenar hingga bulan Disember 2020</li> </ul>

Nota:

<sup>1</sup> Bahagian dalam ujian sebelum ini: 100%. Bahagian semasa di bawah SB1: 15%; SB2: 50%

<sup>2</sup> Sektor yang berikut dianggap sebagai sektor mudah terjejas di bawah SB1: borong dan runcit, harta tanah, pembinaan, pengangkutan dan penyimpanan, serta hotel dan restoran. Sektor mudah terjejas di bawah SB2 termasuk sektor perkilangan, dan perlombongan dan kuari, di samping sektor-sektor dalam SB1. Pelaksanaan ujian sebelum ini mengambil kira semua sektor dalam SB2 dan juga sektor pertanian utama sebagai mudah terjejas

<sup>3</sup> 798 kumpulan peminjam korporat bukan kewangan ini meliputi kira-kira 70% daripada pinjaman bank kepada syarikat bukan PKS (Pelaksanaan ujian sebelum ini: 100 kumpulan peminjam korporat bukan kewangan)


Sumber: Bank Negara Malaysia

## Andaian yang Disemak Semula bagi Pinjaman Perniagaan dengan Bayaran Balik Secara Sekali Gus yang akan Matang

Dalam ujian terdahulu, model pemprofilan sektor<sup>23</sup> telah digunakan untuk mengunjurkan pinjaman terjejas sektor perniagaan bagi perniagaan yang tidak mempunyai data kewangan peringkat firma yang tersedia. Salah satu andaian utama model pemprofilan sektor ialah firma dalam sektor perniagaan mudah terjejas akan mungkir serta-merta terhadap semua pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang<sup>24</sup> pada dan apabila masa untuk membuat bayaran tiba. Andaian ini dibuat berdasarkan ciri bayaran balik pinjaman ini yang besar dan segera, serta gambaran yang kurang jelas tentang keupayaan kewangan perniagaan dalam sektor mudah terjejas untuk membuat bayaran itu akibat pandemik. Ditambah dengan tahap ketidakpastian yang tinggi ketika itu, kaedah yang sangat konservatif ini membolehkan Bank menilai jika institusi perbankan dapat menghadapi keadaan yang lebih teruk berikutan kejutan ekonomi. Berdasarkan andaian ini, pinjaman perniagaan dengan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang sepanjang tempoh ujian tekanan menyumbang 35% daripada pinjaman terjejas sistem perbankan baharu atau 28% daripada kenaikan dalam jumlah kos kredit kepada bank dalam ujian sebelum ini.

Dengan perkembangan yang lebih jelas tentang tingkah laku bayaran balik pinjaman sebenar susulan berakhirnya moratorium pinjaman automatik secara menyeluruh, Bank telah memperhalus andaian ini berdasarkan data yang boleh diperhatikan. Selepas tempoh moratorium automatik, 47% pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang telah dibayar sepenuhnya pada bulan Disember 2020. Baki pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus yang akan matang tetapi belum dibayar balik sepenuhnya telah menerima bantuan bayaran balik pinjaman, dengan sebahagian besar pinjaman ini meneruskan bayaran berdasarkan tempoh bayaran balik yang disemak semula. Hanya 15% daripada jumlah asal bayaran balik pinjaman secara sekali gus yang akan matang dinilai oleh institusi perbankan (dan disemak oleh juruaudit) menunjukkan tanda-tanda peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, sementara sebahagian kecil sahaja (0.2%) daripada pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus tersebut telah menjadi pinjaman terjejas (Rajah 2.24). Berdasarkan pemerhatian ini, ujian tekanan yang dikemas kini mengandaikan bahawa 15% daripada pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus terkumpul yang akan matang semasa tempoh ujian tekanan bagi firma yang menjalankan perniagaan dalam segmen mudah terjejas yang dikenal pasti akan menjadi pinjaman terjejas dalam SB1. Di bawah SB2, andaian konservatif yang agak ketara dikekalkan, mencerminkan ketidakpastian yang berpanjangan tentang tingkah laku bayaran balik pinjaman. Dalam senario ini, 50% daripada pinjaman berlandaskan bayaran balik secara sekali gus terkumpul yang akan matang bagi firma yang beroperasi dalam sektor mudah terjejas diandaikan menjadi pinjaman terjejas.

**Rajah 2.24: Ujian Tekanan Makro: Sektor Perniagaan – Profil Bayaran Balik Pinjaman Secara Sekali Gus yang akan Matang Daripada Sektor yang Mudah Terjejas Pasca Moratorium Pinjaman Secara Automatik**




Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penganapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>23</sup> Rujuk Rencana Maklumat 'Mengunjurkan Pinjaman Terjejas Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Pertama 2020 untuk maklumat yang lebih terperinci.


<sup>24</sup> Kredit pusingan dikecualikan kerana pengalaman lampau menunjukkan bahawa dedahan ini lazimnya dilanjutkan.

Gambar Rajah 2.5: Ujian Tekanan Makro: Sektor Perniagaan – Profil Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.25: Ujian Tekanan Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penganapan

Sumber: Bank Negara Malaysia


Dalam SB1, pinjaman terjejas perniagaan didorong oleh kemungkiran PKS yang beroperasi dalam sektor mudah terjejas dan beberapa syarikat bukan PKS. Dalam SB2, pinjaman terjejas yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh PKS memandangkan kelemahan yang berlanjutan dan pemulihan yang lembap dijangka memberikan impak yang lebih besar kepada PKS. Hal ini disebabkan oleh penampungan tunai mereka yang secara relatifnya lebih lemah dan margin keuntungan yang lebih kecil (Gambar Rajah 2.5). Bagi peminjam isi rumah di bawah SB1 dan SB2, peminjam isi rumah berpendapatan rendah membentuk bahagian terbesar yang diunjurkan mungkir, sejajar dengan penampungan kewangan mereka yang lebih rendah (Rajah 2.25). Walau bagaimanapun, peminjam daripada golongan berpendapatan sederhana,

mendorong bahagian pinjaman terjejas isi rumah yang terbesar dari segi nilai, sepadan dengan jumlah pinjaman lebih besar yang diambil apabila dibandingkan dengan golongan berpendapatan rendah yang mungkir.

Kos kredit di bawah senario tekanan diunjurkan masing-masing berjumlah RM19.3 bilion dan RM26.2 bilion (atau 1% dan 1.5% daripada jumlah pinjaman) bagi SB1 dan SB2 untuk tempoh dua tahun (Rajah 2.26). Institusi perbankan dijangka memiliki penampungan yang mencukupi terhadap potensi kerugian kredit, disokong oleh peruntukan yang telah diperkukuh dengan ketara pada tahun 2020 berdasarkan ujian tekanan dalam bank (sila rujuk bahagian Sektor Perbankan dalam bab ini untuk maklumat lanjut). Institusi perbankan juga diunjurkan memperoleh pendapatan faedah bersih yang lebih rendah disebabkan kos pendanaan yang lebih tinggi berikutan penurunan penarafan dan pertumbuhan kredit yang lebih lemah, meskipun kos kredit yang lebih tinggi kekal menjadi pendorong utama impak pada kedudukan kesolvenan bank. Pada akhir tempoh ujian tekanan, nisbah modal sistem perbankan diunjurkan kekal selesa melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk penampungan pengekal modal (Rajah 2.27). Lebihan penampungan modal diunjurkan menurun masing-masing sebanyak RM6.3 bilion dan RM9.8 bilion di bawah SB1 dan SB2.

Bagi penanggung insurans, ujian tekanan kesolvenan makro terkini menggunakan senario buruk yang sama seperti yang dihuraikan sebelum ini di samping mengambil kira (i) bayaran *ex-gratia* berkaitan

Rajah 2.26: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Kredit Kumulatif di Bawah Senario Buruk 2




u Unjuran

Nota: 1. (...) merujuk % daripada kos kredit kumulatif keseluruhan  
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 2.27: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans - Nisbah Kecukupan Modal di Bawah Senario Buruk 2




Sumber: Bank Negara Malaysia

COVID-19 yang diberikan kepada pemegang polisi dan tuntutan lebih tinggi bagi penanggung insurans tanpa klausa pengecualian pandemik, dan (ii) kenaikan konservatif dalam nisbah tuntutan am sehingga 17%.<sup>25</sup> Di bawah SB1 dan SB2, sektor insurans dinilai akan mengekalkan CAR agregat

<sup>25</sup> Nisbah tuntutan purata sepanjang 2018-2019 ialah 59%. Semasa AFC, nisbah tuntutan dilihat meningkat sebanyak 17% kepada 69%.

melebihi keperluan minimum pengawalseliaan (Rajah 2.28), dengan penampunan modal menurun sebanyak RM11 bilion di bawah SB2. Kejutan risiko pasaran kekal sebagai pendorong kerugian terbesar untuk penanggung insurans hayat di bawah kedua-dua senario. Sementara itu, penanggung insurans am dijangka mempunyai permodalan yang lebih rendah, terutamanya dalam SB2, didorong oleh

**Rajah 2.29: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans - Punca Utama Kerugian di Bawah Senario Buruk 2**



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

tuntutan yang lebih tinggi untuk segmen motor dan kebakaran, dan andaian kes mungkir insurans semula (Rajah 2.29). Ujian tekanan kesolvenan ini juga disokong oleh penilaian mudah tunai untuk mengukur kemampuan penanggung insurans hayat memenuhi aliran keluar bersih jangka pendek di bawah keadaan tekanan, termasuk kemungkinan penyerahan dan tuntutan berkaitan COVID-19 yang lebih tinggi. Penilaian mudah tunai mengesahkan bahawa semua penanggung insurans hayat mempunyai aset mudah tunai<sup>26</sup> yang mencukupi untuk memenuhi obligasi ini.

Meskipun keseluruhan sistem kewangan dijangka kekal berdaya tahan di bawah kedua-dua senario buruk tersebut, penghindaran risiko yang ketara oleh institusi kewangan disebabkan perkembangan situasi pandemik yang masih tidak menentu boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan prospek pemulihan. Hal ini seterusnya boleh meningkatkan risiko kepada kestabilan kewangan akibat kesan kerosakan ekonomi yang berpanjangan. Tingkah laku prokitaran sedemikian boleh meningkat jika institusi perbankan keberatan untuk menggunakan penampunan modal mereka walaupun fleksibiliti pengawalseliaan diberikan. Penampunan bank yang kukuh terus penting bagi mengurangkan risiko ini. Faktor lain yang akan mengurangkan impak daripada andaian kejutan ekonomi buruk di bawah ujian tekanan ini termasuklah:

- Tindakan pengurusan yang proaktif oleh institusi kewangan untuk menambah penampunan menerusi strategi pengekalan perolehan, terbitan modal baharu, atau suntikan modal daripada bank induk;
- Inisiatif yang berterusan daripada institusi kewangan untuk menawarkan bantuan bayaran balik pinjaman jangka pendek kepada peminjam yang berdaya maju, yang akan memulihkan dan memaksimumkan daya maju jangka panjang pinjaman yang sebaliknya diunjurkan akan terjejas dalam jangka pendek;
- Pemulihan pinjaman terjejas oleh institusi perbankan; dan
- Campur tangan dasar tambahan oleh Bank, Kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain untuk menyokong ekonomi.

<sup>26</sup> Merujuk wang tunai dan deposit, dan MGS.

**Tambahan**





Jadual A.1

## Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir					
	ST1 2018	ST2 2018	ST1 2019	ST2 2019	ST1 2020	ST2 2020 <sup>a</sup>
	% (atau dinyatakan sebaliknya)					
<b>Sistem Perbankan</b>						
Nisbah Jumlah Modal	17.6	18.1	18.0	18.6	18.3	18.5
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.2	14.6	14.7	15.1	15.1	15.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.4	13.9	14.0	14.6	14.6	14.8
Pulangan atas Aset	1.5	1.4	1.5	1.5	1.2	1.1
Pulangan atas Ekuiti	13.3	12.7	13.0	13.0	10.0	9.2
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	139.3	143.2	153.0	149.1	149.2	148.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	0.9	0.9	1.0	1.0	0.9	1.0
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.1
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	5.0	5.5	4.9	4.4	4.9	5.3
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	0.6	0.9	0.7	1.6	1.3	1.5
<b>Sektor Insurans dan Takaful</b>						
Nisbah Kecukupan Modal	238.7	243.9	230.0	226.9	227.1	219.7
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga Lebih Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	2.9	6.6	16.5	7.7	4.7	16.8
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	8.2	7.6	9.7	9.0	9.0	9.9
Nisbah Kecukupan Modal Insurans Am dan Takaful Am	237.9	234.8	213.2	206.2	210.6	203.5
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.7	0.8	0.5	0.6	0.9	0.8
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.3	1.6	1.4	1.5	1.7	1.7
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	10.2	9.9	10.6	10.2	10.3	10.5
Nisbah Tuntutan	57.9	58.2	59.3	59.1	55.9	54.6
Nisbah Kecukupan Modal	262.5	278.3	273.2	279.8	287.1	282.6
<b>Sektor Isi Rumah (IR)</b>						
Hutang IR (RM bilion)	1,156.8	1,186.7	1,217.7	1,251.8	1,265.9	1,320.6
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,462.5	2,543.5	2,627.6	2,708.8	2,751.9	2,905.7
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	82.1	82.0	82.3	82.9	87.5	93.3
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	212.9	214.3	215.8	216.4	217.4	220.0
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	145.4	143.4	145.6	143.2	143.8	145.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR <sup>1</sup>	1.3	1.2	1.2	1.2	1.0	1.1
<b>Sektor Perniagaan<sup>2</sup></b>						
Pulangan atas Aset	2.2	1.6	1.5	1.5	0.8	1.0
Pulangan atas Ekuiti	3.9	3.0	2.8	3.0	1.6	1.9
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	23.5	24.9	25.1	25.5	24.2	23.4
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	6.1	4.9	4.8	4.8	3.9	4.1
Margin Operasi	6.4	5.6	5.7	5.7	5.0	4.7
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.6	2.4	2.6	2.5	2.5	2.6
<b>Institusi Kewangan Pembangunan<sup>3</sup></b>						
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	-1.9	-0.3	0.4	-0.3	3.9	7.7
Deposit Digembleng (% perubahan)	1.3	0.4	1.8	2.5	2.0	6.6
Nisbah Pinjaman Terjejas	6.0	5.8	6.7	6.4	5.9	5.1
Pulangan atas Aset	1.2	1.5	1.5	1.5	1.1	1.1

<sup>1</sup> Merujuk institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank<sup>2</sup> Metrik prestasi kewangan syarikat tersenarai awam adalah setakat suku ketiga tahun 2020<sup>3</sup> Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002<sup>a</sup> Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&amp;P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia



Jadual A.2

**Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful**

	Pada akhir					
	ST1 2018	ST2 2018	ST1 2019	ST2 2019	ST1 2020	ST2 2020 <sup>a</sup>
<b>Sistem Perbankan Islam</b>	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)					
Jumlah Aset <sup>1</sup>	890,899.8	948,518.5	979,393.3	1,020,371.0	1,041,629.6	1,090,054.8
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan <sup>1</sup>	31.1	32.2	32.8	33.5	33.3	34.2
Jumlah Pembiayaan <sup>1</sup>	667,179.9	701,013.7	720,748.1	753,609.9	780,376.6	817,398.2
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan <sup>1</sup>	37.0	37.7	38.4	39.2	39.9	41.0
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan <sup>1</sup>	727,777.4	771,114.2	804,959.9	826,167.2	859,946.8	889,951.4
Jumlah Deposit <sup>1</sup>	651,459.5	688,468.9	724,326.0	739,130.3	761,993.4	790,905.4
Jumlah Akaun Pelaburan <sup>1</sup>	76,317.9	82,645.3	80,633.9	87,036.9	97,953.4	99,046.0
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan <sup>1</sup>	35.4	36.3	37.4	37.7	38.1	38.9
	%					
Nisbah Jumlah Modal	17.3	18.5	17.6	18.5	18.3	18.4
Nisbah Modal Kumpulan <sup>1</sup>	13.7	14.7	14.3	14.6	14.6	14.8
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan <sup>1</sup>	13.3	14.1	13.8	14.1	14.0	14.3
Pulangan atas Aset	1.1	1.1	1.1	1.2	0.6	0.7
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	0.8	0.8	1.0	1.0	0.9	0.9
<b>Sektor Takaful</b>	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)					
Aset Dana Takaful	29,833.6	31,323.1	34,522.0	36,517.6	39,040.1	41,329.2
Keluarga	26,312.5	27,594.8	30,601.4	32,283.8	34,538.5	36,485.4
Am	3,521.1	3,728.3	3,920.6	4,233.9	4,501.6	4,843.8
% daripada industri insurans dan takaful	10.3	10.5	10.9	11.2	11.8	11.8
Pendapatan Sumbangan Bersih	4,790.0	4,770.9	5,788.3	5,542.4	5,642.8	5,986.5
Keluarga	3,671.4	3,644.0	4,456.0	4,150.9	4,336.5	4,528.6
Am	1,118.5	1,126.9	1,332.3	1,391.4	1,306.3	1,457.9
% daripada industri insurans dan takaful	16.8	16.4	18.9	17.7	18.6	18.2
Takaful Keluarga						
Sumbangan Perniagaan Baharu	2,510.3	2,403.0	3,253.9	2,904.0	3,191.8	3,397.7
Takaful Am						
Sumbangan Langsung Kasar	1,400.4	1,388.5	1,631.3	1,677.2	1,641.2	1,817.1
Nisbah Tuntutan (%)	54.5	57.4	56.6	59.5	53.3	58.0

<sup>1</sup> Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

<sup>a</sup> Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia